

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

NORZUWANA BINTI SUMARJAN

KETUA UNIT KUALITI :

RAJA PUTERI SAADIAH BT RAJA ABDULLAH

PENYELARAS :

MOHD ZAIN BIN KUTUT

PENULIS :

1. NURUL FALAH BINTI HASHIM
2. NUR ADILAH BINTI MD ZAIN
3. FARIDAH HANIM BT HJ ISMAIL
4. SITI KHUZAIMAH BT A. BAKAR
5. FARADEWI BEE BINTI A. RAHMAN
6. NUR ZALIKHA BINTI OTHMAN
7. ALIFFAIZI BIN ARSAT

8. MOHD NOOR AZMIN BIN AKBARRUDDIN
9. HAIRULNIZWAN BIN ABD MAJID
10. SURIATI BINTI OSMAN
11. NOOR AZMI BIN AHMAD
12. PUTERA MOHD NAIM BIN NORSALIM
13. HAZMAL BIN ISMAIL
14. RAJA PUTERI SAADIAH BT RAJA ABDULLAH
15. NINA FARISHA BINTI ISA
16. NURFATIAH BINTI MAZLAN
17. MOHD HAFIZ BIN MOHD HANAFIAH
18. MOHD ZAIN BIN KUTUT
19. MUHAMMAD ALIFF ASYRAFF BIN KAMAL NURZAMAN
20. MOHD SYAFIQ AL-AZAN BIN SAMMALUDIN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) mengamalkan sistem pengurusan yang berlandaskan pengurusan berorientasikan staf dalam mencapai objektif dan perancangan strategik FPHP dan UiTM. Orientasi ini merupakan pengurusan yang asasnya mementingkan integriti dan kepercayaan sesama manusia sebagai sumber utama untuk mencapai matlamat organisasi yang positif dan produktif.

Skop pengoperasian pengajaran dan pembelajaran FPHP meliputi elemen industri dan keusahawanan, ia menjadi teras terhadap perancangan dan strategi fakulti selari dengan aspirasi UiTM 2025. Justeru itu, bagi penilaian i-AKNC untuk tahun 2022, kepimpinan kanan FPHP telah memilih skop Jaringan Industri dan Keusahawanan sebagai bidang tumpuan i-AKNC.

Perancangan (Plan)

Kepimpinan kanan FPHP telah memfokuskan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi skop pelaporan i-AKNC 2021. Sebanyak tiga (3) inisiatif telah diberi keutamaan di dalam laporan sejajar dengan dengan aspirasi UiTM 2025. Perancangan bagi inisiatif-inisiatif adalah (1) Smart Partnership; (2) Hotscatpreneur; dan (3) Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri.

Perancangan bagi inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasi melalui proses perbincangan lanjut dengan pihak yang disasarkan seperti pelajar, pensyarah, staf pentadbiran, MASMED, rakan akademik bagi aktiviti-aktiviti seperti Smart Partnership; Hotscatpreneur; serta aktiviti penyelidikan dan konsultasi. Pelan perancangan bagi setiap inisiatif merangkumi perkongsian seperti bengkel, geran penyelidikan serta penglibatan pemain industri dalam setiap aktiviti.

Pelaksanaan (Do)

Pencapaian FPHP melalui Penyelidikan dan Jaringan Industri memerlukan komitmen yang tinggi. Inisiatif Smart Partnership memfokuskan aktiviti mobiliti pelajar bersama rakan strategik luar negara sehingga terjalinnya pelbagai usahasama. Selain itu, penglibatan para pensyarah dalam menjalankan usahasama melalui proses Train the Trainer (TOT), sangkutan kerja bersama industri, latihan industri, perkongsian ilmu serta aktiviti konsultasi.

Manakala inisiatif Hotscatpreneur, FPHP telah mengenalpasti 4 aktiviti keusahawanan sepanjang tahun 2021. Proses mengenal pasti aktiviti tersebut adalah melalui maklumbalas pengurusan tertinggi FPHP meliputi aktiviti bengkel bersama industri dan alumni, kelab dalaman, dan jabatan pengajian FPHP.

Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri adalah kriteria utama bagi QS Ranking. FPHP melaksanakan inisiatif dengan mengadakan sesi perbincangan dan perkongsian ilmu mengenai penyelidikan melalui perkongsian ilmu kepada ahli fakulti dan rakan kolaborasi industri.

Pemantauan (Check)

Inisiatif yang dirancang akan dipantau melalui '**Pemantauan Komprehensif**'. Pemantauan yang berkala dan berterusan dapat memastikan setiap perancangan yang dijalankan disertakan dengan tempoh dan jangka masa yang terbaik agar dapat memudahkan aspek pengurusan dan penambahbaikan untuk menepati jangka masa yang ditetapkan. Pihak kepimpinan kanan FPHP melaksanakan pemantauan mengikut KPI yang ditetapkan berlandaskan perancangan strategik fakulti melalui carta perbatuan yang merangkumi tarikh dan aktiviti untuk memastikan berjalan mengikut masa yang ditetapkan.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

inisiatif yang dirancang diteliti secara berkala bagi memastikan ia mampu mencapai objektif yang ditetapkan. Melalui Smart Partnership, Hotscatpreneur dan Aktiviti penyelidikan dan konsultasi, kepimpinan kanan FPHP telah membuat penambahbaikan dan memperluaskan rangkaian kerjasama bersama rakan strategik industri dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan ketampakan FPHP.

Tindakan penambahbaikan berkeperluan bagi meningkatkan peratusan graduan berkompetensi sebagai graduan pencetus peluang pekerjaan. Graduan dibekalkan dengan ciri-ciri keusahawanan yang relevan dengan keperluan industri dan permintaan pasaran. Malah, peningkatan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi bersama rakan industri melalui pelbagai aktiviti melalui bengkel penyelidikan, penganugerahan geran penyelidikan, penerbitan buku, penulisan jurnal berindeks dan projek perundingan dan geran penyelidikan bersama akan dipertingkatkan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan FPHP sangat komited dalam menguruskan FPHP secara profesional dengan mengambil pendekatan “humanistic management approach” atau ‘pengurusan berorientasikan manusia’ dalam meningkatkan keterampilan pelajar dan FPHP secara global.

1. Smart Partnership

FPHP telah merencanakan kolaborasi Smart Partnership bersama rakan industri melalui MoU yang telah dijalinan bagi meningkatkan kualiti kerja di kalangan pensyarah dan melahirkan graduan cemerlang serta mempunyai ketahanan daya saing yang tinggi, berakhlak mulia dan penuh integriti dalam tugas yang diamanahkan dengan pendekatan ‘pengurusan berorientasikan manusia’ dilihat sangat berkesan. Kolaborasi ini adalah untuk melestarikan jalinan kerjasama antara FPHP dan pemain industri bagi jangka masa yang berterusan.

Sokongan dan komitmen semua staf fakulti dalam mencari dan menguruskan MoU adalah satu sikap kerjasama yang baik di antara pengurusan tertinggi dengan pensyarah fakulti dan staf pentadbiran. Gandingan mantap ini menjadi budaya utama fakulti dimana kecekapan dan keberkesanan kolaborasi sentiasa dipertingkatkan dan penambahbaikan secara berterusan di dalam pengurusan Jaringan Industri yang lebih dinamik dan holistik dilaksanakan adalah melalui latihan industri pelajar, sangkutan industri oleh pensyarah, perkongsian ilmu dan kepakaran bersama industri.

2. Hotscatpreneur

Inisiatif keusahawanan melalui Hotcatpreneur di FPHP adalah inisiatif bagi meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar melalui ruang perniagaan (lokasi, dapur, rak penjualan); menyalurkan sumber kewangan sama rata; memberi peluang kepada semua pensyarah menentengahkan produk mereka melalui kolaborasi yang tinggi; menyertai pertandingan peringkat nasional dan antarabangsa. Aktiviti-aktiviti di bawah Hotcatspreneur melibatkan bengkel amali dengan industri dan alumni, aktiviti keusahawanan di kalangan kelab dalaman yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah, aktiviti keusahawanan daripada jabatan dan aktiviti keusahawanan yang melibatkan kursus akademik. Secara tidak langsung, inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan menyumbang kepada ketampakan FPHP dan meningkatkan kesedaran tentang keusahawanan.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Kepimpinan kanan FPHP berusaha melibatkan warga FPHP secara holistik dalam menjayakan KPI fakulti melalui aktiviti yang melibatkan pemain industri dengan pelbagai aktiviti iaitu kerjasama untuk memperolehi geran industri, penulisan berindeks dan sesi konsultasi bersama pemain industri dan ahli fakulti.

Antara pendekatan yang dirancang pada tahun 2021 bagi aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi FPHP adalah merangka geran penyelidikan fakulti yang akan ditawarkan kepada ahli fakulti bersama rakan kolaborasi industri. Dengan melibatkan rakan kolaborasi industri dalam aktiviti penyelidikan secara intensif, ia dapat menyumbangkan kepada Ranking FPHP serta ahli fakulti dapat mengetahui perkembangan terkini yang berlaku di dalam industri.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_K01_KB02_20221_FPHP_Pendekatan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan FPHP telah melaksanakan beberapa inisiatif strategik bagi :

1. Kolaborasi Smart Partnership

Bagi objektif perkongsian / kerjasama strategik antara FPHP dan industri, ianya dilaksanakan melalui peranan dan inisiatif Kepimpinan Kanan FPHP yang diketuai oleh Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan Industri (TDPJI) dengan setiap projek dibuktikan dengan perjanjian persetujuan (MoU/MoA). Kriteria dari segi kualiti, kredibiliti dan pengalaman rakan strategik akan dinilai dan sesi perbincangan bersama Dekan sentiasa dilakukan bagi pertimbangan serta persetujuan kerjasama ini.

2. Hotcatspreneur

Kepimpinan Kanan FPHP menyokong sepenuhnya penglibatan para pensyarah bersama pelajar bagi memberikan pendedahan inovasi secara efektif kepada aktiviti keusahawanan dengan menyediakan fasiliti, sokongan penyediaan lokasi dan bantuan dana. Seterusnya, melalui MASMED FPHP, perancangan keusahawanan dengan penglibatan pelajar melalui kelab dalaman telah dilaksanakan bagi menggalakkan dan memberi persediaan kepada pelajar bagi aktiviti keusahawanan yang telah dirancang.

Selain itu, Kepimpinan Kanan FPHP telah menyediakan pelbagai platform dalam meningkatkan penglibatan pelajar seperti; program latihan pengurusan perniagaan, karnival dan pertandingan keusahawanan. Program keusahawanan yang melibatkan pensyarah, pelajar dan industri makanan diadakan sepanjang tahun dan inisiatif ini diambil untuk memberi pendedahan dan peluang serta mempersiapkan dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran perniagaan yang diperlukan. Dalam menguruskan hal ehwal pengurusan keusahawanan pelajar, Kepimpinan Kanan turut menyediakan ruang perniagaan di tingkat 3 bangunan fakulti di mana pelajar boleh meletakkan produk jualan mereka bagi tujuan jualan. Kepimpinan Kanan turut melaksanakan aktiviti ilmiah berkaitan keusahawanan seperti; ceramah, taklimat, seminar dan forum yang berkonsepkan pengurusan kewangan, perkembangan dan cabaran industri, komunikasi dan etika sosial, inovasi serta keterampilan diri dalam mempersiapkan pelajar menceburi bidang keusahawanan.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Bagi meningkatkan seperti penulisan berindeks, objektif dicapai melalui pelaksanaan pelbagai program penambahbaikan; bengkel penulisan, penerbitan buku dan bab dalam buku, penulisan jurnal berindeks, geran penyelidikan dan perundingan bersama panel.

Penglibatan pensyarah bersama dengan pihak industri di dalam penyelidikan serta geran penyelidikan turut ditingkatkan dengan mengadakan sesi taklimat dan perbincangan bersama pihak penyelidik dan editor. Turut juga, kepimpinan kanan FPHP juga telah menerima jemputan pihak Tourism Malaysia sebagai konsultan bagi menyediakan perancangan pelan pemasaran pelancongan Malaysia bagi tahun 2022-2025.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_K01_KB03_20221_Perluasan 1.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan Kanan FPHP, telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh atas KPI yang telah ditetapkan. Pemantauan dilaksanakan secara terancang, konsisten, progresif serta berkala agar momentum pelaksanaan dijalankan dengan lancar. Setiap pemantauan ini disertakan dengan tempoh dan jangkamasa yang bersesuaian agar tindakan dapat membantu aspek pengurusan masa.

1. Kolaborasi Smart Partnership

Pelan pemantauan oleh Kepimpinan Kanan FPHP dengan perbincangan oleh ahli pengurusan tertinggi berkenaan inisiatif akan dilaksanakan secara berkala dengan memastikan pegawai yang dilantik mengikuti keperluan yang diperlukan oleh sistem SMART. Sistem SMART yang digunakan adalah sistem membantu FPHP mencapai inisiatif tercapai dan pemantauan yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan sistem SMART yang lebih terancang berbanding menggunakan kaedah secara manual yang diamalkan oleh FPHP yang terdahulu.

2. Hotcatspreneur

Pemantauan terhadap projek/program keusahawanan yang dilaksanakan berdasarkan pelan perancangan Hotcatspreneur yang telah ditakwimkan bagi tahun 2021. Antara pelan pemantauan yang dilaksanakan adalah berdasarkan sebelum dan selepas projek/ program keusahawanan dilaksanakan. Pemantauan sebelum projek/ program keusahawanan dilaksanakan, pegawai yang dipertanggungjawabkan akan memastikan keperluan projek/ program seperti pekiling yang telah ditetapkan oleh UiTM. Pelan pemantauan terakhir adalah memastikan, setiap aktiviti projek/program yang telah dilaksanakan perlu menyediakan laporan aktiviti/program dan disimpan sebagai bukti program/aktiviti yang telah berlangsung untuk tujuan rujukan pada masa hadapan.

1. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Pelan pemantauan bagi aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri adalah memastikan program yang dilaksanakan seperti sesi webinar, perkongsian ilmu dan kepakaran bersama rakan kolaborasi industri dan FPHP yang dijemput berjalan lancar dengan memastikan pegawai yang dilantik berurusan dengan rakan kolaborasi secara profesional dan beretika melalui surat jemputan dan perbincangan ringkas bersama panel penceramah industri yang dipilih untuk aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri sebelum aktiviti berlangsung. Setiap program yang dilaksanakan, Kepimpinan Kanan FPHP memastikan setiap aktiviti akan di dokumen melalui gambar-gambar digital bagi rujukan dan simpanan FPHP dikongsikan melalui aplikasi rasmi Facebook FPHP.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_K01_KB04_KC01_20221_FPHP_Pemantauan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sangat penting sebagai kesediaan menghadapi segala risiko yang bakal dihadapi dan perlu dikenal pasti untuk tujuan persediaan dan penambahbaikan. Berikut adalah senarai risiko yang dikenal pasti untuk tiga (3) inisiatif bidang tumpuan.

Rujuk lampiran pada Bukti 1, 2 dan 3.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_K01_KB04_KC02_20221_FPHP_Kolaborasi Smart Partnership.pdf](#)
2. [F0031_K01_KB04_KC02_20222_FPHP_Hotcatspreneur.pdf](#)
3. [F0031_K01_KB04_KC02_20223_FPHP_Aktiviti Penyelidikan.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan FPHP sangat komited dan dinamik dalam perancangan hala tuju Jaringan Industri FPHP. Setiap inisiatif yang dijalankan perlu dikaji dengan teliti dan memastikan ia boleh dicapai. Setiap isu yang wujud telah ditangani dengan efektif oleh kepimpinan kanan FPHP.

Lampiran 1.4.3 (rujuk lampiran bukti 1 dan 2) menunjukkan tindakan penambahbaikan yang telah dijalankan oleh kepimpinan kanan FPHP dalam setiap inisiatif:

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_K01_KB04_KC03_20221_Penambahbaikan \(ACT\) 1.4.3.pdf](#)
2. [F0031_K01_KB04_KC03_20222_Kepimpinan \(ACT\).pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan FPHP telah merangka tiga (3) inisiatif utama untuk mencapai objektif yang ditetapkan (lampiran bukti). Setiap inisiatif tersebut telah diketuai dari kalangan para pensyarah yang pakar dalam bidang berkenaan dan dibantu oleh satu jawatankuasa yang juga dari kalangan para pensyarah yang mahir dalam bidang yang berkenaan. Setiap ketua dan ahli jawatankuasa yang dilantik sangat komited dan berdedikasi serta bekerjasama dalam menghasilkan mutu kerja yang memberangsangkan untuk mencapai hasil kerja yang sangat membanggakan.

Inisiatif-inisiatif yang dirangka berteraskan kepada tiga (3) prinsip iaitu:

1. Menerapkan pembudayaan saling tolong menolong sesama staf dalam menggalakkan aktiviti Jaringan Industri dan keusahawanan
2. Menamakan sokongan dalam bentuk kewangan
3. Memberi sanjungan dan pengiktirafan yang bersesuaian.

Rujuk lampiran pada Bukti 1.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_K01_KB05_20221_Integrasi 1.5.pdf](#)
- 2.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan (Plan)

Perancangan Strategik (PS) Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) merupakan perkara utama sebelum sesuatu inisiatif dilaksanakan. Setiap tahun pihak fakulti akan mendapat KPI/PI dari BTU untuk dilaksanakan di peringkat fakulti. Perancangan Strategik juga adalah antara faktor yang menjadi tunjang kepada keberkesanan pembentukan pengurusan dan pembangunan fakulti secara teratur melalui interaksi pelbagai projek untuk mencapai aspirasi fakulti dan universiti. Pelan tindakan strategik merangkumi keseluruhan PTJ (HEA, HEP, PJI dan Pentadbiran serta Unit Kualiti). Bagi tahun 2021 pemetaan dan penetapan Pelan Strategik merupakan elemen utama dalam merealisasikan visi FPHP di mana pelbagai perancangan telah dilaksanakan bagi mencapai kepuasan hati pelanggan sekaligus mencapai inisiatif di bawah pentadbiran PJI dengan memfokuskan tiga teras tersebut :

1. Kolaborasi Smart Partnership
2. Hotcatpreneur
3. Aktiviti Penyelidikan Konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Pelaksanaan (Do)

PS FPHP 2021 adalah dirancang berpandukan teras yang dirujuk selari dengan GRU 2025 seperti yang dikeluarkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Pada awal tahun 2021 bengkel Perancangan Strategik FPHP telah diadakan secara atas talian. Setiap bahagian (PTJ) mempunyai komitee masing-masing dan untuk tahun 2021 teras yang difokuskan berada di bawah PJI. Bagi memastikan Pelan Strategik direalisasikan, mesyuarat secara berkala diadakan dan dilaporkan kepada koordinator PS. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif Perancangan Strategik yang sistematik, teratur serta realistik maka keseluruhan warga FPHP adalah terlibat secara langsung.

Pemantauan (Check)

Pemantauan Perancangan Strategik akan dilaporkan oleh coordinator PS pada setiap tiga bulan. Pelaksanaan PI yang telah dirancang akan dipantau melalui system SMART. Setiap laporan berkaitan tiga teras berkaitan Smart Partnership, Hotcatpreneur dan Konsultasi bersama rakan kolaborasi industri perlu dimaklumkan oleh pihak PJI kepada koordinator PS. Secara keseluruhannya inisiatif yang dirancang dan dipetakan akan dipantau secara berkala dan berterusan. Oleh itu kepimpinan kanan memastikan pelaksanaan mengikut KPI yang ditetapkan bagi setiap aktiviti berjalan mengikut masa yang ditetapkan.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Setiap inisiatif yang dirancang dikaji dan diteliti secara berkala bagi memastikan ia mampu mencapai objektif/KPI yang ditetapkan. Maka setiap laporan akan diteliti oleh pihak pengurusan (semua ketua unit) bersama koordinator PS serta langkah-langkah, seperti perbincangan dan mengkaji semula pelan adakah ia mencapai selari dengan GRU 2025 (UiTM). skop pengoperasian pengajaran dan pembelajaran FPHP yang berlandaskan elemen industri dan keusahawanan selaras dengan aspirasi GRU 2025.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan FPHP berjalan dengan lancar, pihak fakulti menekankan hubungan baik bersama rakan strategik industri dan akademik yang memandangi tinggi keperluan pembentukan pelajar yang seimbang sebagai modal insan industri hospitaliti. Pemilihan rakan strategik MOU antara adalah berdasarkan keserasian industri bersama fakulti dari segi bidang hospitality, kulinari, perkhidmatan makanan dan pelancongan. Perkara ini dimaklumkan kepada semua warga FPHP dalam mesyuarat akademik dan jabatan.

1. Kolaborasi Smart Partnership

Fakulti mementingkan rapport bersama rakan industri dalam perancangan aktiviti-aktiviti yang berasaskan kolaborasi dari segi perkongsian pengalaman melalui guest lectures, kolaborasi skill enrichment staf fakulti dan industri, dan penempatan pelajar dan staff dalam latihan industri. Perancangan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada kesinambungan dan maklum balas yang positif dari pemegang taruh dari tahun 2019, dan 2020.

2. Hotcatpreneur

Pembudayaan inisiatif keusahawanan fakulti adalah selari bersama PS yang diterjemahkan melalui inovasi dan keusahawanan di kalangan pelajar dan pensyarah FPHP. Aktiviti yang dirancang perlu melibatkan program amali, ceramah webinar dijalinan bersama pihak industri dan alumni. Ia juga membantu mendedahkan pelajar kepada keusahawanan dan mempromosikan "Visibility" FPHP di mata dunia.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Strategi pelaksanaan inisiatif ini adalah dengan menumpukan industri dalam bidang yang bersesuaian dengan kepakaran warga FPHP. Permohonan Geran penyelidikan perlu berpandukan 17 Sustainable Development Goal dan juga permintaan konsultasi rakan industri.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_P01_PB02_20221_Bengkel Pelan Strategik FPHP \(2\).pdf](#)
2. [F0031_P01_PB02_20222_Bengkel Pelan Strategik FPHP \(1\).pdf](#)
3. [F0031_P01_PB02_20223_Bengkel Pelan Strategik FPHP.pdf](#)
4. [F0031_P01_PB02_20224_Minit MKSP 12021_MSAAS.pdf](#)
- 5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1. Kolaborasi Smart Partnership

PI yang diberikan Pihak BTU akan di kemaskini melalui PS dan SAP yang dilaksanakan secara berkala. Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan Industri (TDPJI) memastikan jalinan dua hala yang berterusan sejajar dengan pelan GRU 2025 UiTM dalam perancangan aktiviti.

Setiap inisiatif dan aktiviti PJI FPHP bersama rakan kerjasama strategik dibahagikan kepada bahagian dan jabatan dalam FPHP dalam memaksimumkan pelaksanaan teras yang ditetapkan. Lantikan peneraju MOU, Guest lectures dan Penyelidikan adalah mengikut kesesuaian setiap jabatan.

2. Kolaborasi Smart Partnership

Ceramah webinar inovasi dan keusahawanan yang melibatkan pensyarah, pelajar dan industri makanan diadakan sepanjang tahun dan inisiatif ini diambil untuk memberi pendedahan dan peluang serta mempersiapkan dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran perniagaan yang diperlukan. Program ini dilaksanakan berdasarkan keperluan pelajar dan kepakaran rakan strategik.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Perlaksanaan mentor mantee diperingkat FPHP adalah inisiatif bagi memastikan pembudayaan penyelidikan dapat dilaksanakan. Setiap warga FPHP akan tumpuan dan keperluan rakan kolaborasi bagi memastikan aktiviti penyelidikan dapat dilaksanakan memberikan impak kepada industri. Tourism Malaysia merupakan rakan kolaborasi aktif dalam inisiatif yang dinyatakan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_P01_PB03_20221_2.2.1 Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
2. [F0031_P01_PB03_20222_INISIATIF PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [F0031_P01_PB03_20223_Minit MKSP 12021_MSAAS.pdf](#)
4. [F0031_P01_PB03_20224_1.2.1 \(a\) Pelan Strategik UiTM 2025 \[2019\].pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan inisiatif yang dirancang dilaksanakan melalui pelaporan kepada coordinator Perancangan Strategik. Tumpuan juga diberikan kepada aktiviti sejajar dengan PI yang telah ditetapkan oleh BTU. Bagi aktiviti yang tidak dicapai, tumpuan akan diberi dalam melaksanakan sebelum pelaporan selanjutnya. FPHP telah menggunakan beberapa mekanisma bagi memantau KPI yang telah dirangka di dalam pelan perancangan strategik FPHP. Antara mekanisma yang digunakan adalah:

1. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan : risiko dan tindakan penambahbaikan
2. Mesyuarat Perancangan Strategik FPHP : pencapaian dan pelaksanaan KPI
3. Mesyuarat Pengurusan FPHP : pemantauan pelaksanaan KPI

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_P01_PB04_PC01_20221_FPHP_Pemantauan - 2.4.1.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PTJ perlu faham keupayaan, kekuatan dan kelemahan pemegang taruh FPHP. Pelaksanaan inisiatif perlu mengambil kira penglibatan dan juga kesan baik kepada pelajar, staf dan rakan strategik.

Jika berlaku sebarang masalah dan halangan semasa projek sedang berjalan, langkah-langkah awal diambil dan dinilai bagi memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh UiTM kepada FPHP.

Antara risiko yang dikenal pasti bagi tumpuan perancangan strategik adalah KPI yang telah ditetapkan tidak dapat dicapai. Justeru, setiap PTJ perlu memastikan perancangan diperingkat bahagian dibuat dengan terancang bagi memastikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_P01_PB04_PC02_20221_\(Ketua Proses\) Borang A Borang Sasaran KPI - MKSP_2021.docx.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Setiap inisiatif yang dirancang dikaji dan diteliti secara berkala bagi memastikan ia mampu mencapai objektif/KPI yang ditetapkan. Maka setiap laporan akan diteliti oleh pihak pengurusan (semua ketua unit) bersama koordinator PS serta langkah-langkah, seperti perbincangan dan mengkaji semula pelan adakah ia mencapai selari dengan GRU 2025 (UiTM). skop pengoperasian pengajaran dan pembelajaran FPHP yang berlandaskan elemen industri dan keusahawanan selaras dengan aspirasi GRU 2025.

Pemantauan diperingkat PTJ dibuat melalui mesyuarat secara berkala bagi memantau aktiviti dan program yang telah dirancang selari dengan KPI yang telah ditetapkan kepada setiap PTJ.

SENARAI BUKTI :

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik sangat penting bagi memastikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan keusahawanan dapat dicapai. Perlaksanaan dan pemantauan perlu dilaksanakan diperingkat fakulti dan perlu selari dengan perancangan strategik GRU 2025.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) mengambil pendekatan “humanistic management approach” atau pengurusan berorientasikan kemanusiaan/kakitangan didalam mencapai segala objektif dan perancangan berkaitan pengurusan FPHP bagi memastikan fakulti masih relevan dalam keadaan semasa. Perkhidmatan yang diberikan akan dinilai melalui piawaian tertinggi dan pemantauan berterusan. Pelbagai kaedah disediakan kepada pelanggan terhadap perkhidmatan yang diterima. Kaedah-kaedah ini adalah bagi memudahkan pelanggan dan secara tidak langsung bertindak sebagai platform penyaluran maklumat, pendapat, aduan atau cadangan kepada pihak FPHP sekaligus kepada Universiti. Ini adalah bagi memastikan FPHP dapat menyediakan perkhidmatan yang berimpak tinggi serta berkualiti. MoU dan webinar perkongsian bersama panel industri dan alumni bagi mendedahkan penerjah dan pelajar dengan maklumat terkini dalam bidang hospitaliti. Pelbagai perancangan telah dilaksanakan bagi mencapai kepuasan hati pelanggan sekaligus mencapai inisiatif kolaborasi *Smart Partnership*, program keusahawanan dan aktiviti penyelidikan dan konsultansi bersama rakan kolaborasi industri. Bagi pelanggan tumpuan kolaborasi *Smart Partnership* dan aktiviti penyelidikan dan konsultansi bersama rakan kolaborasi industri, bergerak melalui PI yang telah ditetapkan sebagai dasar perancangan dan ia ditambah baik melalui program-program dibawah TDPJI. Selain itu, pelanggan tumpuan program keusahawanan, FPHP bergerak melalui PI yang telah ditetapkan oleh pihak MASMED UiTM. Antara input penting pada pelaksanaan aktiviti yang berimpak positif kepada visibiliti fakulti terhadap universiti dan organisasi luar.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan (Approach) penentuan kumpulan sasaran yang berpotensi telah dibuat secara sistematik iaitu dengan melalui beberapa kaedah seperti taklimat, program webinar/seminar, sesi perkongsian dialog, mesyuarat, bengkel, konferensi, komunikasi atau hebahan program secara formal atau tidak formal di sosial media seperti Facebook dan juga laman rasmi sesawang FPHP.

Penentuan kumpulan sasaran ini dibuat secara meluas bagi memastikan elemen-elemen perkongsian pengetahuan dari segi pengetahuan kajian, keusahawanan dan juga inovasi dapat disalurkan secara komprehensif. Kumpulan sasaran ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Pelanggan Utama dan juga Pelanggan Strategik.

Kebanyakan program utama yang dijalankan bagi tahun 2021 dalam memberi sokongan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik jaringan industri dan keusahawanan ini dijalankan oleh pihak TD PJI. Proses pemilihan kumpulan sasaran merupakan proses yang utama dalam memastikan pelaksanaan ini mencapai objektif dan inisiatif strategik.

1. Kolaborasi Smart Partnership

Kumpulan sasaran bagi kategori ini adalah pemain industri yang terdiri daripada industri perkhidmatan, perhotelan, pelancongan, perkhidmatan makanan dan minuman. Pemain industri ini dikenalpasti di peringkat jabatan FPHP. Dan seterusnya dipertimbangkan mengikut kesesuaian dan kepentingan kedua belah pihak oleh TDPJI dibawah seliaan Koordinator Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Kriteria dari segi kualiti, kredibiliti dan pengalaman rakan strategik akan dinilai dan sesi perbincangan bersama Dekan sentiasa dilakukan bagi pertimbangan serta persetujuan kerjasama ini. Selain itu, pensyarah dan pelajar FPHP juga kumpulan sasaran bagi kolaborasi ini. Penglibatan pensyarah dalam program sangkutan industri selama 3 bulan yang disarankan oleh Bahagian Strategik Universiti (BTU) adalah inisiatif fakulti dalam memastikan pemgetahuan pensyarah sentiasa seiring dengan peredaran teknologi dan kemajuan industri. Disamping itu, pelajar FPHP juga dikategorikan sebagai kumpulan sasaran kerana objektif utama kolaborasi Smart Partnership adalah mendapatkan tempat latihan industri kepada pelajar dan memperkasakan program akademik dengan memastikan kurikulum yang ditawarkan seiring dengan kehendak industri.

2. Hotcatspreneur

Pihak kepimpinan kanan FPHP telah mengenalpasti kumpulan sasaran bagi merencanakan aktiviti keusahawanan di peringkat fakulti dan universiti. Penglibatan pensyarah dan pelajar diberi keutamaan dalam melaksanakan aktiviti ini. Pensyarah yang berminat dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh FPHP dan MASMED diberi pendedahan ilmu pengetahuan berkaitan dengan keusahawanan. Dana juga disediakan oleh MASMED FPHP bagi membuka peluang kepada para pelajar dan kelab dalaman untuk menjalankan keusahawanan.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi

Bagi inisiatif penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri melalui geran industri, penulisan berindeks bersama penulis industri dan konsultasi penulisan berindeks telah dirancang bagi memaksimumkan kompetensi output penyelidikan dan penerbitan staf akademik. Kumpulan sasaran adalah rakan industri. Rakan industri dibawah aktiviti kolaborasi MoU diberi keutamaan dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan konsultasi ini. Terdapat beberapa orang pensyarah telah ditawarkan geran industri dan ini secara tidak langsung ketampakan nama fakulti dikalangan pemain industri. Selain itu, pensyarah juga menjalankan penyelidikan dan penulis bersama dengan rakan industri. Konsultasi dan pertukaran kepakaran kedua belah pihak dapat dipertingkatkan dan penambahbaikan secara berterusan di dalam pengurusan Jaringan Industri yang lebih dinamik dan holistik.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_T01_TB02_20221_F0031_T01_TB02_20221_MOU.pdf](#)
2. [F0031_T01_TB02_20222_F0031_T01_TB02_20222_MOU2.pdf](#)
3. [F0031_T01_TB02_20223_F0031_T01_TB02_20223_keusahawanan.pdf](#)
4. [F0031_T01_TB02_20224_F0031_T01_TB02_20224_keusahawanan2.pdf](#)
5. [F0031_T01_TB02_20225_F0031_T01_TB02_20225_alumni.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pendekatan kumpulan sasaran ini telah diperluaskan bukan sahaja di UiTM, malah di peringkat Malaysia dan juga Antarabangsa.

1. Kolaborasi Smart Partnership

Kumpulan sasaran ini dikenalpasti melalui koordinator latihan industri fakulti bagi setiap program, alumni FPHP terutama yang bekerja di luar negara serta Profesor Adjung yang dilantik oleh FPHP. Mereka digalakkan berkongsi maklumat mengenai profil FPHP dalam pada masa yang sama mereka juga menjadi orang perantaraan untuk menarik pihak industri luar bekerjasama dengan FPHP.

Penglibatan pihak industri turut memberi ruang kepada pihak industri berkongsi pengetahuan dan pengalaman melalui webinar-webinar yang dianjurkan oleh pensyarah mahupun pelajar FPHP. Program ini dijayakan oleh FPHP bersama pihak industri luar, alumni FPHP, penyelidik di Malaysia dan Antarabangsa. Selain program ini, FPHP juga menganjurkan pertandingan yang melibatkan para pelajar dan para pensyarah dimana pihak industri berbesar hati menaja bahan mentah dalam menjayakan pertandingan tersebut. Selain itu para pensyarah di FPHP turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Universiti, Pakar Negara, Task Force Penyelidik, Karyawan Tamu, Profesor Pelawat dan pelbagai lantikan lagi oleh Universiti Awam dan Swasta di Malaysia dan Antarabangsa serta agensi industri/kerajaan di Malaysia dan juga Antarabangsa. Sebagai contoh agensi industri/kerajaan adalah Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), WorldSkill Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi dan beberapa agensi yang lain. Kaedah data pelanggan disimpan oleh Pejabat TDPJI FPHP, Koordinator Latihan Industri, Koordinator ICAN, Koordinator Penyelidikan & Inovasi serta sistem SMART.

2. Hotcatspreneur

Program ini dikenalpasti bagi melahirkan graduan keusahawanan, inisiatif FPHP adalah bekerjasama dengan Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), Industri dan juga alumni. Antara dorongan dan inisiatif FPHP adalah dengan mengadakan webinar berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan, membimbing para pelajar mengenalpasti pendaftaran SSM dan juga membuat hebahan tawaran geran. Data penglibatan para pensyarah dan para pelajar disimpan oleh Koordinator MASMED FPHP dan IPT Entrepreneurship Center.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi

Sasaran penyelidikan dan konsultasi adalah terdiri daripada pensyarah FPHP yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pensyarah yang tidak aktif dalam menghasilkan penyelidikan dikenali sebagai denominator potensi dan pensyarah yang aktif dalam menghasilkan penyelidikan dikenali sebagai progress. Pelajar - pelajar Pascasiswazah (Postgraduate) dan Sarjana (Undergraduate) FPHP, Pensyarah/Pelajar UiTM, Pelajar Universiti Awam dan Swasta di Malaysia dan Antarabangsa, Penyelidik di Malaysia dan Antarabangsa. Sasaran pelanggan ini dikenalpasti melalui pejabat pascasiswazah, Pejabat Jaringan Industri FPHP manakala bagi pelanggan bukan FPHP kumpulan sasaran ini dikenalpasti dengan melalui kaedah usahasama antara usahasanya adalah mengadakan konferensi anjuran bersama dan juga menggalakan kumpulan sasaran ini menghantar penulisan dan penyelidikan ke konferensi IJHTC anjuran FPHP. Kaedah data pelanggan ini disimpan adalah dari Research Management Centre (RMC) (<https://rmc.uitm.edu.my/v2/>), Journal IJHTC dan Research Nexus UiTM (RENeU).

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_T01_TB03_20221_F0031_T01_TB03_20221_MASMED YOUNG ENTREPRENEUR](#)

[\(MyENT\).pdf](#)

- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Permantauan dilaksanakan dengan terus memperkasakan kaedah yang telah dijalankan dimana pelanggan memperoleh kebaikan serta ganjaran dari tiga (3) inisiatif tersebut:

1. Kolaborasi Smart Partnership

Kumpulan sasaran bagi aktiviti ini adalah agensi perkhidmatan, perhotelan, pelancongan, perkhidmatan makanan dan minuman. Kolaborasi Smart Partnership ini memberi manfaat dan terus diperkukuhkan dimana organisasi yang terbabit akan diberi peluang berkongsi pengalaman dan pengetahuan melalui webinar anjuran FPHP dan universiti. Disamping itu, para pelajar juga diberi peluang untuk menjalani latihan industri di organisasi tersebut dimana ia membantu industri dalam menawarkan tenaga kerja.

Oleh itu, sebagai ganjaran atas program ini para pelajar dapat menjalani latihan industri dan para pensyarah dapat menjalankan sangkutan industri di peringkat antarabangsa dan sijil penyertaan diberi kepada peserta yang hadir ke webinar yang berkaitan dengan pemain industri ini.

2. Hotcatspreneur

Kumpulan sasaran bagi program ini adalah pelajar Sarjana Muda dan para pensyarah FPHP. Kebaikan daripada program ini para pelajar dan pensyarah diberi latihan proses pengurusan perniagaan dan berpeluang mendapatkan geran perniagaan anjuran pihak industri. Disamping itu, terdapat juga kursus-kursus dalam program di FPHP yang berteraskan keusahawanan bagi menerapkan sifat keusahawanan dan minat berniaga didalam diri mereka. Antara ganjaran bagi program ini adalah Ikon Usahawan Muda, Pingat yang dianjurkan oleh MASMED universiti.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi

Kumpulan sasaran adalah Pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Inisiatif yang dijalankan adalah satu program mentor dilaksanakan. Program ini memberi ruang kepada pensyarah denominator potensi dan pensyarah progress (Senior dan Junior) bekerjasama dalam menghasilkan penulisan berindek dan penyelidikan. Para pensyarah akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai pensyarah denominator potensi dan pensyarah progress (Senior dan Junior). Pensyarah progress (Senior) berperanan dalam membimbing dan memberi tunjuk ajar bagi proses penulisan berindek dan penyelidikan. Objektif program agar pencapaian KPI para pensyarah yang telah ditetapkan akan tercapai.

Sebagai ganjaran, anugerah akademik diadakan kepada mereka yang telah berjaya memperoleh geran. Sijil diberikan sebagai tanda penghormatan diatas pencapaian yang telah diterima. Ini adalah salah satu inisiatif FPHP dalam memberi motivasi kepada para pensyarah untuk menghasilkan lebih banyak penulisan berindek dan penyelidikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_T01_TB04_TC01_20221_FPHP_latihan industri - 3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0031_T01_TB04_TC01_20222_FPHP_Certificate Potential and Challenges of Working Abroad- 3.4.1.2.pdf](#)
3. [F0031_T01_TB04_TC01_20223_FPHP_INTERNSHIP COMPLETION CERTIFICATE \(NUR ZURINA\) - 3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0031_T01_TB04_TC01_20224_FPHP_CERTIFICATE IcoHoTS & HTC 2021 \(PRESENTER\)-3.4.1.4.pdf](#)

[3. F0031_101_1B04_1001_20223_FFPP_100P013 & P10 2021 \(BEST PAPER AWARD\) - 3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko yang mendorong kepada cabaran dalam pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklumbalas pelanggan. Risiko ini terbahagi kepada dua iaitu dari segi faktor dalaman dan juga faktor luaran.

1. Faktor Dalaman

Intellectual Properties (IP)

Antara faktor dalaman ialah tiada penyelidik dalaman (para pensyarah) yang menawarkan diri untuk menjalankan Intellectual Properties (IP). Oleh itu, risiko bagi Person In charge (PI) untuk mendapatkan IPdi FPHP. Disamping itu, terdapat juga risiko yang diluar jangkaan pihak FPHP terutamanya penglibatan dari pihak luar. Sebagai contoh, risiko dalam urusan kelulusan dan urusan kewangan.

2. Faktor Luaran

Keputusan Penerbitan

Selain itu risiko dari faktor luaran adalah keputusan penerbitan. Meskipun pihak FPHP membantu para pensyarah dengan menyediakan bahan-bahan penerbitan, informasi dan memberi kata-kata motivasi, risiko pihak FPHP dan juga para pensyarah dengan keputusan yang tertakluk samaada penerbitan tersebut diterima atau ditolak. Faktor luaran ini yang mendorong kepada jumlah penurunan penerbitan tersebut.

Kebolehpasaran Graduan

Akhir sekali, FPHP sedia maklum kesan pandemik Covid-19 kepada industri. Ini mendorong kepada risiko faktor luaran dan diluar jangkaan. Seperti yang disebut oleh World Tourism Organization (UNWTO), industri perhotelan dan pelancongan adalah industri pertama yang terjejas dan industri terakhir yang akan pulih seperti sediakala. Oleh itu, akan berlaku lambakan pelajar yang bakal bergraduasi akan tetapi tiada tawaran dan peluang pekerjaan oleh pihak industri. Ini juga akan memberi kesan kepada kadar kebolehpasaran graduan, FPHP dan secara umumnya kepada UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_T01_TB04_TC02_20221_FPHP_KPI Fakulti 2021\(terbaru\) - 3.4.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak fakulti merangka beberapa strategik sebagai inisiatif dalam menangani risiko dan cabaran dalam mencapai kejayaan maklumbalas pelanggan. Antara tindakan yang diambil ialah:

1. Inisiatif Platform yang Lain

Tindakan pertama yang diambil ialah menyediakan platform yang lain. Sebagai contoh, jika kertas penyelidikan para pensyarah ditolak, pihak pengurusan menyediakan platform yang lain iaitu penerbitan di konferensi yang dianjurkan oleh pihak FPHP dengan bayaran yang minimal. Konferensi ini menggunakan hasil keuntungan kewangan dari konferensi yang dianjurkan sebelum ini untuk membantu para pensyarah yang mengalami kekangan kewangan untuk penerbitan kertas penyelidikan. Kertas penyelidikan tersebut akan diterbitkan di jurnal FPHP.

2. Pendedahan Bidang Keusahawanan

Selain itu, pihak FPHP merangka strategik dimana para pelajar diberi pendedahan berkaitan dengan bidang keusahawanan. Ini adalah salah satu tindakan yang diambil oleh pihak FPHP dalam menangani risiko lambakan para pelajar yang akan bergraduasi kesan daripada pandemik Covid-19. Pendedahan ini memberi idea dan membentuk minat para pelajar dalam memiliki nilai tambah selain daripada kecemerlangan dalam bidang akademik.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Aktiviti-aktiviti yang dirancang berdasarkan daripada Key Performance Indicator (KPI) yang sedia ada contohnya penerbitan MyRA dan juga QS World Ranking. Terdapat 3 faktor utama yang perlu diambil kira didalam penganugerahan QS World Ranking iaitu kejayaan para pensyarah/akademik tanggapan industri dan penulisan berindek.

1. Kejayaan Para Pensyarah/Akademik

Faktor yang pertama ialah kejayaan para pensyarah/akademik. Kejayaan ini dinilai atau dilihat oleh orang awam dari sudut bagaimana para pensyarah/akademik menghasilkan penerbitan penulisan berindek, penyelidikan dan jurnal. Disamping itu, para pensyarah/akademik digalakkan memberi ceramah, berkongsi pendapat dan memberi konsultasi kepada orang awam bagi memastikan keterlihatan (visibility) reputasi para pensyarah/akademik di peringkat FPHP, malah seluruh UiTM Malaysia dan Antarabangsa.

2. Tanggapan Industri

Faktor kedua adalah tanggapan industri. Pihak FPHP menganjurkan pelbagai webinar dengan menjemput para penceramah dari industri terutamanya dari pihak pengurusan untuk berkongsi pendapat, memberi idea dan juga memotivasikan para peserta secara khususnya kepada para pelajar di FPHP. Disamping itu, FPHP juga menganjurkan program yang melibatkan aktiviti-aktiviti diantara komuniti dan alumni. Perkongsian pihak pengurusan ini, akan menyumbang kredit yang tinggi dalam penilaian QS World Ranking sesebuah fakulti atau universiti.

Selain itu, pihak fakulti melantik Profesor Adjung iaitu Profesor Adjung David Hind daripada Asia Pacific Institute for Events Management (APEIM), Profesor Adjung Dato' Dr. Ammar Abd Ghapar daripada Tourism Malaysia dan Profesor Adjung Dato' Dr. Mohmed Razip Hasan daripada Islamic Tourism Centre (ITC). Profesor Adjung ini dilantik berdasarkan kelayakan PhD dan juga mereka adalah pemain-pemain industri, dimana syarat lantikan ini telah ditetapkan oleh pihak HEA UiTM.

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi

Faktor ketiga adalah penulisan berindek. Pihak Fakulti menggalakkan para pensyarah/akademik terlibat dengan penulisan berindek dan penyelidikan. Dari hasil yang aktif di dalam penulisan berindek dan penyelidikan pada tahun 2020, FPHP berada di kedudukan 31 (50 Teratas) dalam QS World University Ranking 2020 mengikut bidang (Hospitality and Leisure Management), 3 teratas di negara ini dan tertinggi di antara semua universiti awam di Malaysia. Kejayaan FPHP berterusan tahun 2021, dimana sekali lagi FPHP UiTM tersenarai dalam 100 teratas dalam QS World University Ranking 2021 dalam bidang (Hospitality and Leisure Management), 2 teratas di negara ini dan masih mengekalkan status sebagai universiti awam di negara ini dibawah subjek Hospitality and Leisure Management. Menjadi universiti awam terbaik di Malaysia dalam bidang Hospitality and Leisure Management selama dua tahun berturut-turut oleh QS World University Ranking ini dapat memupuk semangat para pensyarah/akademik untuk lebih maju jaya dalam penulisan berindek dan penyelidikan. Pihak FPHP sangat percaya bahawa kedudukan tahun 2020 dan 2021 akan membuka pintu untuk lebih banyak kolaborasi, mewujudkan peluang kerjaya yang lebih luas untuk para graduan pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_T01_TB05_20221_FPHP_QS_By_Subject_2021_732-Universiti_Teknologi_MARA_UiTM-3.5.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pihak pengurusan atasan FPHP akan merancang dan memantau pencapaian (PI) fakulti di dalam perancangan strategik. Setiap bahagian akan melaksanakan dan melaporkan pencapaian terus kepada pada pengurusan atasan FPHP. Ini bagi memastikan PI bagi objektif Jaringan Industri dan Keusahawanan tercapai. Sekiranya PI tidak tercapai, penambahbaikan atau peningkatan sistem akan dilaksanakan. Selaras dengan keperluan ini, Unit Kualiti FPHP yang merupakan unit yang bertanggungjawab dalam memantau segala PI fakulti.

Umumnya, pencapaian PI FPHP pada 2020 ialah 75%, manakala pada tahun 2021 ialah 70%. Walaubagaimanapun, atas usaha dalam memenuhi PI pada tahun 2021 sekaligus telah meletakkan FPHP di tangga 42 di QS World University Rankings by Subjects. Pengiktirafan yang diperolehi ini sebenarnya tidak termasuk di dalam mana-mana PI yang telah ditetapkan oleh UiTM, akan tetapi FPHP secara serampang dua mata melihat beberapa elemen dalam PI yang telah ditetapkan menjurus kepada bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan seperti, penulisan berindeks, maklumbalas majikan serta pemegang taruh, program-program berimpak tinggi atas usahasama dengan pihak industri dan lain-lain lagi.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai perkara berkaitan dengan jaringan industri dan keusahawanan telah dijalankan oleh pihak fakulti sebagai usaha menambah nilai dan kemahiran para pensyarah dan pelajar. Kayu ukur atau penanda aras bagi melihat pencapaian dalam bidang jaringan industri dan keusahawanan ini adalah berdasarkan kepada:

1. Kolaborasi Smart Partnership (rakan industri dan universiti - MoU)

Bagi meluaskan jaringan industri, kepimpinan kanan fakulti sentiasa mencari peluang menjalinkan kerjasama dengan pemain-pemain industri bagi memastikan fakulti sentiasa kekal relevan dan semasa dengan perkembangan industri. Pihak pengurusan fakulti mengukur Kolaborasi Smart Partnership melalui:

- Jumlah jalinan persefahaman (MOU) yang aktif bersama industri pada 2021: 15 MOU

Pihak fakulti mempunyai 15 jalinan persefahaman (MOU) yang aktif bersama pelbagai pihak pada 2021. Daripada 15 jalinan persefahaman yang aktif, 9 jalinan persefahaman adalah bersama dengan institusi seperti universiti daripada luar negara iaitu bersama Silk Road Internasional University of Tourism, Uzbekistan, Universitas Pendidikan Indonesia, Universitas Negeri Padang, Politeknik Negeri Bandung, Sekolah Tinggi Pariwisata Bali, Urgench State University, Alethia University dan Thashan University. Manakala 6 lagi adalah bersama dengan syarikat seperti Tateyama Food Industries (M) Sdn Bhd, LaCrista Hotel Melaka, Brahim Sats Food Services, Asia Mex Concepts Sdn Bhd, ADII Marketing Sdn Bhd and Happy Recipe Sdn Bhd.

- Jumlah aktiviti bersama rakan industri pada 2021: 11

Selain daripada jumlah MOU yang aktif, ukuran bagi kolaborasi bersama industri juga dilihat berdasarkan jumlah aktiviti yang dijalankan bersama. Hasil daripada kerjasama bersama industri dapat dilihat melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan. Aktiviti-aktiviti tersebut dirangka bagi memastikan kerjasama yang terjalin memberi manfaat kepada pihak fakulti dan juga pemain industri. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah:

- Knowledge transfer programme (21 hours with the industry, FPHP Webinar Series)
- Perkongsian kepakaran (Alumnus knocking door)

2. Hotcatspreneur

Melihat kepada aktiviti keusahawanan, pihak fakulti aktif dalam menggalakkan penganjuran aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2021, tiada sebarang aktiviti keusahawanan pelajar yang dapat dijalankan. Namun, tahun 2021 telah mencatatkan aktiviti keusahawanan yang tinggi dimana 10 program telah dijalankan. Program-program tersebut telah membabitkan 1000 orang pelajar di dalam dan juga diluar fakulti dengan kerjasama pihak universiti dan pemain industri. Hasil dari program-program keusahawanan yang sentiasa menjadi salah satu perkara yang didedahkan kepada para pelajar FPHP, telah ramai graduan fakulti berjaya mengusahakan perniagaan mereka pada tahap yang membanggakan. Sehingga Mei 2021, sebanyak 642 usahawan pelajar berdaftar dengan pusat keusahawanan universiti dan juga SSM.

- Bilangan program keusahawanan / penjana kewangan

3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi

- Jumlah aktiviti penyelidikan: 6

Salah satu aktiviti yang dijalankan bersama rakan kolaborasi industri adalah berkaitan aktiviti penyelidikan dan konsultasi. Aktiviti dijalankan bersama dengan pihak industri yang telah memeterai jalinan persefahaman (MOU) dengan pihak fakulti. Melalui kerjasama dengan pihak

industri berikut adalah jumlah aktiviti penyelidikan yang dilakukan bersama:

- i. Penulisan berindeks: 3 penerbitan
- ii. Geran industri: 3 geran

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_A01_AB02_20221_FPHP_MOU_MOA_LOI Bersama Industri.pdf](#)
2. [F0031_A01_AB02_20222_FPHP_Alumni - Bilangan Perkhidmatan Kepakaran Alumni.pdf](#)
3. [F0031_A01_AB02_20223_FPHP_Aktiviti penyelidikan bersama industri.pdf](#)
4. [F0031_A01_AB02_20224_FPHP_Perniagaan mahasiswa berdaftar SSM.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Seperti yang telah dinyatakan di dalam aspek pendekatan, pihak fakulti telah menggunakan jumlah jalinan persefahaman (MOU), aktiviti-aktiviti yang berkaitan keusahawanan dan juga jumlah aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri sepanjang tahun 2021 sebagai ukuran untuk melihat sejauh mana jaringan industri dan keusahawanan memberi impak kepada perkembangan FPHP kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Bagi membuat penilaian dan ukuran untuk bidang tumpuan, pihak fakulti telah menggunakan data-data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber. Secara khususnya berikut adalah data-data yang digunakan bagi setiap bidang tumpuan.

1. Data kolaborasi Smart Partnership diperolehi daripada:

- Laporan sistem SMART
 - Program jaringan industri
 - MOU / MOA / LOI bersama industri
 - Bilangan alumni menjadi usahawan

Sistem Maklumat Analisa dan Repository (SMART) merupakan satu sistem yang diguna pakai bagi pelaporan aktiviti yang dikawal selia oleh Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri. Segala data yang berkaitan dengan MOU dan aktiviti bersama dengan rakan industri direkodkan dan disimpan didalam sistem SMART. Ini memudahkan urusan pengurusan dan capaian maklumat pada bila-bila masa.

2. Data Hotscatpreneur

- Laporan aktiviti keusahawan MASMED

Bagi data-data untuk aktiviti keusahawan, pihak fakulti mengguna pakai data yang diperolehi daripada laporan Koordinator MASMED fakulti hotel dan pelancongan. Segala aktiviti yang melibatkan dasar keusahawanan dipantau dan dilaporkan kepada koordinator MASMED.

Data-data berkaitan dengan keusahawanan dikumpul sepanjang tahun dan dibentangkan didalam mesyuarat peringkat tertinggi fakulti untuk menilai pencapaian dalam tempoh tersebut dan sekaligus melihat samada sasaran di dalam bidang tumpuan tercapai atau sebaliknya.

3. Data aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

- Laporan geran dalaman VRGS
- Laporan sistem SMART
 - Program jaringan industri

Kaedah pengumpulan data:

Seperti yang dijelaskan, segala data-data yang digunakan dalam proses penilaian ukuran bagi bidang tumpuan diperolehi daripada pelaporan sistem SMART, laporan Koordinator MASMED dan laporan geran dalaman VRGS. Bagi menyumbangkan data kepada sistem dan laporan tersebut, beberapa kaedah telah digunakan untuk merekodkan aktiviti yang dijalankan.

- Pelaporan aktiviti jaringan industri oleh pelajar/pensyarah.

...man pejabat amirah dan penyusunan dan jaringan industri telah menetapkan garis panduan kepada para pensyarah dan pelajar apabila mereka melakukan aktiviti berkaitan dengan jaringan industri. Mereka dikehendaki untuk menyediakan laporan berkaitan aktiviti yang dijalankan dan laporan tersebut akan disimpan dan diatur urus didalam Google Drive yang disediakan oleh pihak TDPJI.

- **Ekstrak daripada program-program yang dijalankan**

Selain daripada laporan yang disediakan oleh mereka yang terlibat dengan aktiviti jaringan industri, terdapat juga aktiviti yang tidak mempunyai pelaporan seperti siri webinar dengan pihak industri. Pihak TDPJI mengambil inisiatif untuk mengekstrak data-data yang diperlukan daripada aktiviti-aktiviti jaringan industri yang dijalankan.

- **Pelaporan program HEP, HEA dan kelab dalaman**

Pelaporan daripada bahagian hal ehwal pelajar (HEP), hal ehwal akademik (HEA) dan aktiviti kelab dalaman juga menjadi sumber capaian data terutamanya bagi aktiviti keusahawanan. Kelab dalaman khususnya banyak melakukan aktiviti keusahawan sebagai salah satu cara untuk mencapai KPI yang ditetapkan.

Kekerapan pengumpulan data:

Kebanyakan data yang digunapakai diperolehi secara berkala disepanjang tahun. Ini disebabkan oleh faktor seperti aktiviti-aktiviti jaringan industri dan keusahawanan yang dijalankan pada bila-bila masa. Jadi pihak TDPJI sentiasa menerima kemasukan data melalui laporan dan program-program disepanjang tahun.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_A01_AB03_20221_FPHP_SMART system interface.pdf](#)
2. [F0031_A01_AB03_20222_FPHP_MOU_MOA_LOI Bersama Industri.pdf](#)
3. [F0031_A01_AB03_20223_FPHP_Alumni - Bilangan Perkhidmatan Kepakaran Alumni.pdf](#)
4. [F0031_A01_AB03_20224_FPHP_Sampel laporan aktiviti pelajar.pdf](#)
5. [F0031_A01_AB03_20225_FPHP_Sampel aktiviti perkongsian kepakaran.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setiap bahagian utama di FPHP yang merangkumi bahagian Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar terlibat secara inklusif berganding bahu membantu bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Masyarakat dalam proses penganalisaan data bagi keberkesanan dan pencapaian bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan fakulti. Secara khususnya, Individu yang terlibat dan bertanggungjawab dalam proses analisa dan penyediaan laporan pencapaian prestasi adalah di kalangan pentadbir FPHP iaitu Pejabat TDPJI, Rangking Champion, Koordinator MASMED, Koordinator ICAN, Koordinator P&I, Peneraju MOU, pensyarah, Penolong Pendaftar Kanan, dan Pegawai Eksekutif Kanan.

Hasil analisa data-data dan pelaporan yang diperolehi dibentangkan dalam mesyuarat yang telah ditetapkan seperti mesyuarat pengurusan, mesyuarat akademik dan MKSP bagi membincangkan tindakan penambahbaikan berterusan. Semakan semula pencapaian objektif kualiti yang telah dirangka juga dilakukan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_A01_AB04_AC01_20221_FPHP_Pelan pemantauan keseluruhan projek FPHP UCS.pdf](#)
2. [F0031_A01_AB04_AC01_20222_FPHP_Minit mesyuarat MKSP 2021.pdf](#)
3. [F0031_A01_AB04_AC01_20223_FPHP_Laporan MKSP 2021 PJI.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Analisa Risiko menggunakan laporan pencapaian MKSP 2021 sebagai dasar bagi merancang tindakan yang patut diambil FPHP. PI yang dicapai diteruskan manakala langkah proaktif pada tahun 2022 diambil bagi menangani PI yang tidak tercapai pada tahun 2021 tidak berulang. Setiap PI yang dicapai dilaporkan kepada bahagian strategik dan pencapaian fakulti sentiasa diukur dan dipantau.

Akan tetapi FPHP juga sedar perubahan pada dasar PI fakulti memberi impak fokus pelaksanaan strategi dan aktiviti yang dirancang. Antara risiko di kenal pasti adalah seperti berikut:

Risiko

1. Perubahan dasar UiTM - CSPI kepada BTU - Perubahan dimaklum kepada semua dan perancangan dilakukan bagi mencapai PI yang ditetapkan. Sebagai contoh, Keusahawanan merupakan PI Bahagian HEP pada tahun 2019. Sejurus ditukar kepada BTU, PI Keusahawanan diberikan kepada Bahagian PJI pada tahun 2020.
2. Pemahaman PTJ terhadap PI diberikan - Makluman, bengkel, webinar dan juga mesyuarat bagi menyebarkan maklumat agak kurang berkesan kerana pemahaman warga pelaksana yang berbeza.
3. PI tidak realistik - PI yang diberikan agak tidak realistik mengikut kesesuaian PTJ untuk dicapai pada 2019, ditambah pula dengan situasi pandemik Covid-19 yang melanda pada 2020 turut merencatkan lagi sebahagian perancangan aktiviti bagi pencapaian PI.
4. PI yang tidak jelas - PTJ juga menghadapi kesukaran dalam mencapai PI yang diberikan bila mana sesuatu PI itu sendiri tidak jelas ataupun mendatangkan kekeliruan kepada PTJ secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_A01_AB04_AC02_20221_FPHP_Pengurusan risiko dan perancangan strategik.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPHP cakna dengan segala maklumat-maklumat dan data-data yang diperolehi dari setiap bahagian. Bermula dari PI yang diberikan oleh CSPI pada 2019 dan BTU pada tahun 2020, sehinggalah ianya disampaikan melauai Amanat Dekan. Maklumat dan data yang dianalisa sangatlah penting untuk tujuan kajian semula serta tindakan penambahbaikan menjurus kepada PI yang tidak tercapai, mengambil kira segala aspek serta risiko yang dihadapi oleh PTJ. Oleh yang demikian, segala hasil analisa yang diperolehi akan diperhalusi oleh PTJ berkaitan melalui mesyuarat pengurusan FPHP, MKSP dan akhirnya dibentangkan kepada seluruh warga FPHP melalui Amanat Dekan yang biasanya dilakukan setiap awal tahun untuk tujuan pelaksanaan. Berikut merupakan kaedah yang dilaksanakan oleh FPHP dalam menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan:

1. BTU PI Attainment FPHP
2. MKSP 2021
3. AMANAT DEKAN

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_A01_AB04_AC03_20221_FPHP_Minit mesyuarat MKSP 2021.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberhasilan analisa data-data yang diperolehi dapat digunakan untuk penambahbaikan berterusan dan inovasi. Ini telah terbukti apabila FPHP mengekalkan kedudukannya QS World University Rankings selama 3 tahun berturut-turut. Disamping itu juga, bilangan jalinan persefahaman (MOU) yang dimeterai meningkat saban tahun melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh Peneraju MOU yang mewakili setiap jabatan dalam FPHP. Dengan jalinan persefahaman (MOU) yang dimeterai, FPHP mengambil peluang dengan merapatkan hubungan bersama pihak industri dalam melaksanakan beberapa program berbenyuk Jaringan Industri dan Keusahawanan yang berimpak tinggi seperti "21 Hours With Industry". Untuk makluman, pihak industri juga memainkan peranan dalam meletakkan FPHP di dalam QS World University Rankings menerusi maklumbalas yang dilaksanakan oleh pihak QS World University Rankings itu sendiri.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_A01_AB05_20221_FPHP_Laporan MKSP 2021 PJI.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan merupakan kekuatan FPHP pada AKNC 2021. FPHP sentiasa memastikan bidang tumpuan ini dilaksanakan sebaiknya dengan mengambil kira semua sumber yang ada di FPHP terutamanya sumber manusia yang melibatkan kepakaran dan pengalaman staf FPHP. Konsep yang diterapkan oleh pengurusan FPHP terutamanya Bahagian Pejabat TDPJI adalah konsep resource based view iaitu mengoptimumkan sumber manusia sedia ada dan juga sumber - sumber lain yang terdapat di FPHP termasuk sumber fizikal dan kewangan. Bagi memastikan konsep ini diaplikasikan secara menyeluruh, FPHP memastikan perancangan yang dilaksanakan mengikut konsep PDCA. Strategi diperingkat sumber manusia dimulakan dengan perancangan sumber manusia, pelaksanaan diperingkat bahagian dan fakulti, pemantauan dan juga tindakan penambahbaikan. Tiga inisiatif yang memangkin kejayaan bidang tumpuan adalah:

1. Kolaborasi Smart Partnership
2. Hotcatpreneur
3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Perancangan (Plan)

FPHP merancang sumber manusia sedia ada dengan menerapkan konsep resource based view. Konsep ini melihat kepada perancangan sumber manusia secara menyeluruh dengan mengambil kira sumber - sumber yang ada seperti modal insan, sumber organisasi seperti gaya kepimpinan, pengurusan dan sumber kewangan serta sumber fizikal seperti kemudahan yang terdapat di FPHP.

Perlaksanaan (Do)

FPHP mengoptimumkan sumber manusia dan sumber sedia ada diperingkat bahagian dan juga diperingkat FPHP. Di peringkat bahagian, peranan Pejabat TDPJI dilihat penting dalam merancang, memantau, menyelaraskan dan memastikan KPI serta aktiviti atau program dilaksanakan mengikut perancangan. Di peringkat Fakulti, Pengurusan kanan fakulti menggerakkan pensyarah dan juga staf dalam setiap perancangan strategik yang dilaksanakan.

Pemantauan (Check)

FPHP sentiasa komited dalam memastikan staf komited dalam melaksanakan tugas. Sumber manusia di FPHP dipantau melalui indeks kegembiraan bekerja, fasiliti yang lengkap dan kondusif, sistem aduan yang cekap dan sistematik serta pengurusan sumber yang efisien.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Pelaksanaan aktiviti dan program bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan mempunyai beberapa risiko yang dikenalpasti. Namun, Pengurusan FPHP komited dalam memastikan penambahbaikan dilaksanakan melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Langkah ini penting bagi memastikan risiko yang timbul dalam pelaksanaan strategi dapat dikurangkan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPHP mempunyai seramai 142 orang staf, terdiri daripada 80 orang staf akademik dan 62 orang staf pentadbiran termasuk penolong pensyarah. Staf akademik FPHP terdiri daripada tiga (3) orang pensyarah berjawatan Profesor, dua belas (12) orang Profesor Madya, lima puluh tiga (53) orang Pensyarah Kanan dan dua belas (12) orang Pensyarah. Sehingga Disember tahun 2020, jumlah staf FPHP berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah adalah seramai 39 orang atau 47.5 peratus. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan bilangan pensyarah yang sedang melanjutkan pengajian dan tamat pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. FPHP turut disokong oleh 62 orang staf bukan akademik pelbagai gred jawatan. Kepelbagaian kepakaran, bidang tugas serta sumber manusia yang komited merencanakan lagi usaha fakulti terutama Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (Pejabat TDPJI) dalam memastikan fakulti terus kekal relevan di UiTM dan juga di dalam industri hospitaliti.

Fakulti menerapkan konsep Resource Based View dalam menguruskan sumber manusia di FPHP. Konsep ini memerlukan fakulti mengoptimalkan tiga sumber yang terdapat dalam organisasi iaitu sumber manusia, sumber organisasi dan sumber fizikal (Rujuk bukti). Konsep ini membantu fakulti memastikan setiap sumber manusia di fakulti menyumbang di dalam menjayakan bidang tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan keusahawanan. Setiap sumber manusia FPHP memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan strategik fakulti tercapai, sumber manusia dan kepakaran pensyarah dan staf digembeleng sepenuhnya bagi memastikan fakulti kekal relevan di dalam UiTM dan Industri.

Pejabat TDPJI mengoptimalkan kepakaran sumber manusia sedia ada dengan melantik beberapa koordinator bagi memastikan setiap PI yang telah dirancang di dalam pelan strategik fakulti dilaksanakan sebaiknya. Struktur pentadbiran di Pejabat TDPJI terdiri dari Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri dan dibantu oleh tiga koordinator dan pegawai perhubungan (Liason Officer) yang dilantik dikalangan pensyarah seperti berikut:

1. Koordinator Jaringan Industri, komuniti dan alumni (ICAN)
2. Koordinator MASMED
3. Koordinator Penyelidikan dan Inovasi

Semua pensyarah yang dilantik sebagai koordinator mempunyai KPI yang perlu dicapai selaras dengan perancangan strategik fakulti. KPI tersebut secara tidak langsung mengukuhkan lagi kedudukan fakulti terutama di dalam bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Fakulti juga mempunyai seorang penyelar Ranking Champion yang ditugaskan memastikan fakulti memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh QS World Ranking by subject dan mengekalkan kedudukan pada kedudukan 100 terbaik. Pelantikan Ranking Champion ini sangat penting bagi membantu ketampakan fakulti dari segi penyelidikan, jaringan industri dan alumni FPHP.

Pengurusan FPHP turut memberi anugerah bagi mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada staf yang menyumbang dalam menjayakan bidang tumpuan. Antaranya mengadakan Majlis Anugerah Akademik & Penyelidikan bagi mengiktiraf staf yang cemerlang, menyediakan peruntukan bagi membiayai aktiviti dan program jaringan industri dan keusahawanan serta mempergiatkan latihan bagi membantu penyelidikan dan penerbitan melalui bengkel.

Berikut adalah anugerah-anugerah yang diberikan kepada staf bagi mengiktiraf sumbangan mereka.

1. ANUGERAH PENYELIDIK TERBAIK
2. ANUGERAH PENYELIDIK HARAPAN
3. ANUGERAH PEBERBITAN JURNAL BERINDEKS (Q1/Q2)

4. ANUGERAH PENERBITAN JURNAL BERINDEKS (SCOPUS/WOS)
5. ANUGERAH PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN
6. ANUGERAH PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN INDUSTRI
7. ANUGERAH PENERIMA GERAN PERUNDINGAN
8. ANUGERAH PENERAJU JARINGAN INDUSTRI
9. ANUGERAH 21 HOURS WITH INDUSTRI
10. ANUGERAH PENILAI JURNAL
11. ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_S01_SB02_20221_FPHP_Infografik demografi Fakulti. pdf - 5.2.1 .pdf](#)
2. [F0031_S01_SB02_20222_FPHP_Carta Organisasi Pejabat TDPJI. pdf - 5.2.2 .pdf](#)
3. [F0031_S01_SB02_20223_FPHP_Deskripsi tugas Koordinator dibawah Pejabat TDPJI - 5.2.3 .pdf](#)
4. [F0031_S01_SB02_20224_FPHP_Penerangan Konsep Resource Based View - 5.2.4 .pdf](#)
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Untuk penilaian i-AKNC 2021, FPHP meletakkan fokus utama pada bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. FPHP telah memperkenalkan tiga inisiatif utama untuk mencapai matlamat ini seperti berikut:

1. Kolaborasi Smart Partnership
2. Hotcatpreneur
3. Aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi industri

Ketiga – tiga inisiatif ini merupakan kriteria yang diperlukan bagi memastikan kedudukan FPHP dalam kelompok 100 terbaik di dalam QS World Ranking by Subject. Pencapaian ini dapat dicapai melalui penerapan konsep resource based view dengan mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di fakulti. Berikut adalah strategi sumber manusia yang dilaksanakan di fakulti.

5.3.1 Lantikan koordinator bawah Pejabat TDPJI bagi pelaksanaan KPI Jaringan Industri dan Keusahawanan.

TDPJI mengambil inisiatif melantik tiga koordinator bagi mengerakkan inisiatif yang telah dirancang seperti berikut:

1. Koordinator Jaringan Industri, komuniti dan alumni (ICAN)

Bertanggungjawab memastikan aktiviti dibawah inisiatif smart partnership tercapai dengan merangka aktiviti – aktiviti melibatkan pihak industri, pemindahan ilmu dengan komuniti dan program bersama alumni.

2. Koordinator MASMED

Bertanggungjawab mengumpul data keusahawanan pelajar yang berdaftar, menyelaras dan menganjurkan program yang melibatkan produk keusahawanan dan inovasi bersama industri, penyelaras kolaborasi bersama pihak industri, NGO tempatan dan luar negara serta melaksanakan penyelidikan dan inovasi keusahawanan dikalangan pelajar.

3 Koordinator Penyelidikan dan Inovasi:

Bertanggungjawab meningkatkan visibiliti penyelidik melalui program-program penulisan kertas kerja geran dalam dan luaran, menjalankan professional talk, menyelaras penerbitan artikel konferensi IHTC dan HTC. Merancang aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama rakan kolaborasi.

Setiap koordinator yang dilantik bertanggungjawab mengerakkan setiap inisiatif dan KPI yang telah dirancang dalam Perancangan Strategik FPHP. TDPJI mengambil pendekatan mengadakan mesyuarat berkala bagi membincangkan perancangan aktiviti serta pencapaian setiap aktiviti yang telah dirancang. Pencapaian aktiviti setiap inisiatif dan KPI dibentangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan.

5.3.2 Penglibatan Pensyarah dalam mencapai 3 inisiatif Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Inisiatif dan KPI serta aktiviti yang dirancang memerlukan penglibatan semua pensyarah untuk

menjayakannya. Perancangan FPHP bagi menjayakan bidang tumpuan telah disalurkan kepada semua pensyarah melalui Mesyuarat Akademik FPHP yang diadakan setiap awal tahun. Di dalam sesi ini pensyarah akan dimaklumkan tentang KPI perancangan strategik FPHP yang sekaligus menjadi KPI kepada pensyarah mengikut kepakaran dan pengalaman. Sebagai contoh, KPI penerbitan merupakan kriteria wajib di dalam penilaian pensyarah dalam MyATP. Bagi aktiviti perundingan beberapa pensyarah pakar telah diantik menerajui beberapa entiti kecemerlangan dan sekaligus merancakkan aktiviti konsultasi dan MoU dengan Industri. Bagi keusahawanan, pengurusan FPHP telah menggalakkan pensyarah menghadiri webinar-webinar yang telah dirancang di peringkat fakulti. Fakulti, melalui Ketua Pusat Pengajian melantik pengerak MoU dikalangan pensyarah bagi merancang aktiviti yang sesuai dengan pihak industri. Pengurusan menggunakan keseluruhan sumber manusia dan organisasi di FPHP bagi memastikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dilaksanakan dengan baik.

5.3.3 Latihan dan pembangunan staf

Pengurusan FPHP komited dalam memastikan sumber manusia di FPHP mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mereka terutamanya bidang penyelidikan, keusahawanan dan penerbitan. Staf diberi peluang menghadiri latihan, bengkel dan seminar dari semasa ke semasa bagi merancakkan lagi aktiviti permohonan geran penyelidikan terutama dengan pihak industri serta menghasilkan penerbitan berkualiti. Staf juga digalakkan menjalinkan kerjasama dengan industri melalui perundingan dan permohonan geran penyelidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_S01_SB03_20221_FPHP_Minit Mesyuarat Pejabat TDPJI 2021- 5.3.1.pdf](#)
2. [F0031_S01_SB03_20222_FPHP_Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan 2021- 5.3.2.pdf](#)
3. [F0031_S01_SB03_20223_FPHP_MESYUARAT AKADEMIK 2021 - 5.3.3.pdf](#)
4. [F0031_S01_SB03_20224_FPHP_Senarai Latihan Individu Jabatan Pengurusan Hotel - 5.3.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Empat aspek utama yang dipantau bagi memastikan sumber manusia di FPHP dapat memberikan komitmen dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah seperti berikut:

5.4.1.1 Indek kegembiraan (Happiness Index) staf FPHP

Aspek utama yang dinilai dan dipantau oleh pengurusan FPHP adalah tahap kepuasan hati staf terhadap pengurusan dan juga infrastruktur di Fakulti dan UiTM Puncak Alam. Secara keseluruhan indek kegembiraan staf FPHP 2021 meningkat sebanyak 2% daripada tahun 2020. Antara domain yang mempunyai peningkatan ketara adalah domain emosi positif iaitu sebanyak 72% pada tahun 2021 berbanding 65% pada tahun 2020. Peningkatan ketara juga dapat dilihat pada domain pencapaian dimana peningkatan sebanyak 7% pada tahun 2021. Peningkatan ini menjadi penunjuk bahawa staf di FPHP berpuas hati dengan urus tadbir di fakulti dari semua aspek (penyelidikan, pengurusan, kewangan, kemudahan dan lain-lain). Pengurusan FPHP berjaya memastikan staf mempunyai emosi positif walaupun terpaksa bekerja di dalam situasi pos- pandemik.

5.4.1.2 Sistem aduan dan maklumbalas staf

Terdapat dua bentuk aduan maklumbalas iaitu aduan maklum balas diperingkat universiti dan peringkat bahagian. Untuk aduan peringkat universiti saluran aduan dibuat melalui sistem online seperti UNITS yang boleh diakses di dalam sistem SSO. Di peringkat jabatan staf FPHP menggunakan saluran aplikasi sosial media dalam menyalurkan aduan. Platform ini dilihat lebih efektif dan tindakan segera dapat dilakukan dengan pantas. Selain itu staf juga menyalurkan aduan melalui kaunter perkhidmatan di FPHP atau berhubung terus dengan ketua jabatan.

5.4.1.3 Persekitaran kerja yang kondusif

Bagi memastikan tahap kepuasan hati staf meningkat, Pengurusan FPHP menyediakan beberapa kemudahan yang kondusif serta jaringan internet yang stabil. Kepuasan hati staf terhadap persekitaran kerja dapat dilihat dari indek kegembiraan bagi subdomain Infrastruktur dan Infostruktur yang meningkat sebanyak 3% (rujuk bukti 1).

5.4.1.4 Pengurusan Kewangan dan perbelanjaan berhemah

FPHP memperuntukkan kewangan yang mencukupi bagi menampung aktiviti perundingan, jaringan industri, aktiviti webinar dan program yang melibatkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan keusahawanan agar setiap aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan.

Jelas, Pengurusan FPHP sangat komited menerapkan konsep *resource based view* dalam memantau semua sumber yang terdapat di fakulti (Sumber manusia, sumber organisasi dan sumber fizikal) bagi memastikan kejayaan dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan berjaya dicapai.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_S01_SB04_SC01_20221_FPHP_Pencapaian Indeks Kegembiraan FPHP 2021_5.4.1.1.pdf](#)
2. [F0031_S01_SB04_SC01_20222_FPHP_Fasiliti di FPHP_5.4.1.2.pdf](#)
3. [F0031_S01_SB04_SC01_20223_FPHP_Agihan Bajet 2021_5.4.1.3.pdf](#)
4. [F0031_S01_SB04_SC01_20224_FPHP_Laporan Analisa Aduan Maklum Balas Pelanggan FPHP_5.4.1.4.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Matlamat mencapai kedudukan di dalam QS World ranking adalah penanda aras bagi menaikkan visibiliti fakulti dimana pendekatan ini memastikan warga fakulti bersama dalam pencapaian MOU, maklum balas dari industri dan organisasi yang bekerja sama bersama fakulti dan juga program keusahawanan.

Dalam perkara ini pengurusan risiko adalah sangat penting dimana pengenalpastian risiko dan penyelesaian yang dipraktikkan adalah di tekankan dalam menjaga kredibiliti dan nama fakulti serta UiTM. Bengkel Perancangan strategi FPHP 2021 telah berjaya mengenalpasti risiko bagi setiap tumpuan FPHP.

Bagi penumpuan sumber manusia dalam mengukuhkan kedudukan didalam QS World ranking, FPHP sedar kedudukan ini juga menjadi matlamat yang akan menambah aktiviti dan program yang dilaksanakan bersama semua pemegang taruh FPHP. Diantara risiko yang dikenal pasti adalah:

Risiko QS World Ranking

1. Kekangan masa mendapatkan networking dengan industri/ universiti luar negara.
2. Hubungan bersama panel industri tidak dapat digunakan secara keseluruhannya diatas factor-faktor keselamatan kesihatan, dimana berlakunya pandemic kesihatan.

Risiko MOU/MOA Industri dan Universiti di dalam negara serta antarabangsa.

1. Aktiviti yang dirancang melalui MOU tidak dapat dilaksanakan dengan berjaya dan mendapat sambutan.
2. MOU yang dirancang tidak dapat dilaksanakan atau tertangguh.
3. Program - program yang dirancang di bawah MOU seperti latihan industri pelajar dan sangkutan Staf, Kajian bersama industri dan Program CSR tidak dapat dijalankan

Risiko Program keusahawanan

1. Kekurangan pelajar berada di kampus, kerana kebanyakan pelajar belum kembali ke kampus. Hanya pelajar yang memegang jawatan di dalam persatuan sahaja yang berada di kampus.

Risiko Penerbitan

1. Risiko tidak dapat menerbitkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi.
2. Perancangan awal perlu diadakan kerana bagi mendapatkan kebenaran untuk diterbitkan dalam jurnal yang berwasit

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_S01_SB04_SC02_20221_FPHP_Mengenal pasti risiko 5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0031_S01_SB04_SC02_20222_FPHP_Program Yang Dirancang dan Dilaksanakan 2021](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Umum mengetahui bahawa dengan perkembangan teknologi yang pesat membangun, penyampaian dan penyimpanan maklumat dapat dilakukan dengan lebih meluas. Oleh yang demikian, Pejabat TDPJI telah melancarkan beberapa inisiatif dengan menggunakan teknologi penyampaian dan penyimpanan maklumat yang lebih berkesan. Berdasarkan daripada risiko yang telah dikenal pasti beberapa penambahbaikan telah dirancang dan dilaksanakan

Penambahbaikan QS World Ranking

1. Koordinator QS dan MOU kerjasama membina reputasi dengan pemain industry.
2. Big Data Analysis alumni dikemaskini dengan lebih kerap dan menggunakan platform media sosial secara lebih meluas.
3. Menggunakan platform secara maya seperti Google Meet, Zoom bagi menjayakan dan melaksanakan program-program yang telah dirancang. Antara program yang telah dilaksanakan seperti 21 Hours with Industry.
4. Memperkenalkan program Alumnus Knocking the Door, bagi meningkatkan hubungan dan pengetahuan bersama mereka.

Penambahbaikan MOU/MOA Industri dan Universiti di dalam negara serta antarabangsa.

1. Semua aktiviti dan perbincangan dijalankan secara dalam talian. Dengan memaksimumkan penggunaan platform online.
2. Menggalakkan para pensyarah untuk berkomunikasi dan berhubung dengan para pensyarah di universiti yang telah menandatangani MOU bagi berkolaborasi.
3. Memulakan program untuk menghantar para pelajar ke Latihan industri Bersama Industri yang telah menandatangani MOU Bersama fakulti. Segala perbincangan dilaksanakan secara dalam talian.

Penambahbaikan Program keusahawanan

1. Melaksanakan program keusahawanan yang boleh disangkutkan dengan kelas pengajaran seperti kelas HTC 415 dan HTC 520. Program yang dilaksanakan dinamakan seperti Pastry Coffee and Chat 2021.

Penerbitan

1. Koordinator penyelidikan merancang latihan bersesuaian untuk pensyarah melaksanakan aktiviti penerbitan.
2. Menggalakan para pensyarah untuk terlibat dalam permohonan geran-geran yang telah ditawarkan oleh pihak-pihak yang terlibat seperti FRGS, DUCT, dan lain-lain.

Kesimpulan Penambahbaikan

Kesimpulannya, semua penambahbaikan ini tidak dapat dilaksanakan tanpa Standard Operating Standard (SOP) yang disediakan tidak dilaksanakan oleh semua pihak. Oleh yang demikian, para pekerja dan pemohon telah dimaklumkan dan diberitahu untuk mematuhi carta-carta alir yang telah ada. Dengan pematuhan dan pelaksanaan carta alir tersebut diyakini segala proses yang dirancang dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang dijangkakan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_S01_SB04_SC03_20221_FPHP_SOP BAGI MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN 5.4.3.1.pdf](#)

2. [F0031_S01_SB04_SC03_20223_FPHP_Sastra/Ami/Emas/Andani & P.Emmelenan/Scran/5.4.3.2.pdf](#)
3. [F0031_S01_SB04_SC03_20223_FPHP_Program dilaksanakan secara atas talian 5.4.3.3.pdf](#)
4. [F0031_S01_SB04_SC03_20224_FPHP_Pembudayaan Penerbitan 5.4.3.4.pdf](#)
5. [F0031_S01_SB04_SC03_20225_FPHP_Program Bersama Industri 5.4.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi boleh didefinisikan sebagai proses penyesuaian di antara unsur-unsur yang saling berbeza dalam kehidupan sehingga menghasilkan pola kehidupan yang memiliki keserasian fungsi. Penyampaian melalui sosial media secara tidak langsung membantu kenampakan FPHP dengan lebih meluas. Maklumat berkenaan aktiviti dapat dilakukan bukan hanya kepada para pensyarah tetapi lebih meluas kepada para pelajar, pemain industri mahupun alumni. Usaha Koordinator Korporat PJI yang merancakkan penyebaran maklumat di media sosial memberikan impak kepada ketampakan FPHP. Justeru itu, bagi meraikan dan memberikan sedikit lonjakan motivasi kepada para pensyarah dan staf pentadbiran pihak fakulti menganjurkan Anugerah Akademik & Pentadbiran Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (AAPF 2021) yang bertempat di Lost World of Tambun, Perak.

Anugerah Akademik & Pentadbiran Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (AAF) merangkumi pelbagai anugerah yang ditawarkan antaranya, Anugerah Akademik Harapan, Anugerah e-Pembelajaran, Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk, Anugerah Kepimpinan Akademik, Anugerah Penasihat Akademik Cemerlang, Anugerah Penceramah Terbaik, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Pengajaran, Anugerah Pensyarah Kreatif dan lain-lain. Selain anugerah ini diyakini dapat memberikan impak dan galakan kepada para pensyarah dalam menjadikan penyelidikan dan inovasi sebagai satu perkara yang penting untuk dilaksanakan. Ianya seiring dengan pendekatan yang dilaksanakan oleh UiTM yang meraikan para pensyarah diperingkat universiti dimana dilaksanakan Anugerah Akademik UiTM (AAU) pada setiap tahun.

Situasi Covid-19 yang melanda memberikan impak yang positif dan negatif. Dalam berhadapan kekangan melaksanakan program dan aktiviti, situasi pandemik memberikan satu kelebihan yang perlu diberi perhatian. Dengan penggunaan pendekatan atas talian, semua perbincangan yang melibatkan perancangan dilakukan melalui platform Google Meet, Zoom, mahupun Webex. Oleh yang demikian, pihak fakulti telah melanggan platform Zoom secara premium. Dengan mempunyai lesen premium pelbagai kemudahan dapat digunakan secara menyeluruh seperti merakam, capaian lebih meluas, dan sebagainya. Selain itu, pendekatan menganjurkan seminar menggunakan platform atas talian juga dapat menjadikan penyertaan yang lebih holistik seiring dengan peredaran semasa. Maklumat berkenaan webinar yang dianjurkan oleh pihak FPHP khususnya PJI diwar-warkan menggunakan medium media sosial dimana diluaskan kepada alumni FPHP, pemain industri dan juga para pelajar luar negara.

Pengumpulan maklumat alumni, pemain industri dan pensyarah luar negara dilakukan secara berterusan oleh Ranking Champion. Ranking Champion bekerjasama dengan Pejabat TDPJI mengumpul sebanyak mungkin nama-nama ahli akademik universiti luar negara terutamanya dari negara jiran (Jawatan Pensyarah PhD ke atas). Rakan-rakan dari negara jiran dilihat berpotensi mengundi UiTM sewaktu penilaian penarafan dijalankan. Semua pensyarah juga diminta untuk mencalonkan nama rakan akademik mereka kepada Ranking Champion. Bagi kriteria reputasi majikan, proses yang sama juga dijalankan untuk mengumpul nama-nama majikan (jawatan pengurusan) dalam industri hospitaliti dan pelancongan. Nama-nama ini disenaraikan berdasarkan kolaborasi rapat dengan fakulti terutamanya di kalangan alumni fakulti. Ianya selaras dengan Big Data Analysis yang telah disediakan dan mengasilmasikan maklumat-maklumat yang diperlukan selari dengan keperluan terkini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_S01_SB05_20221_FPHP_Anugerah Kepada Para Staf 2021 5.5.1.pdf](#)
2. [F0031_S01_SB05_20222_FPHP_ANUGERAH PEJABAT TDPJI 2022 5.5.2.pdf](#)
3. [F0031_S01_SB05_20222_FPHP_ANUGERAH PEJABAT TDPJI 2022 5.5.2.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan yang diambil oleh FPHP dengan menjadikan jaringan industri dan keusahawanan sebagai salah satu kayu pengukur pencapaian tahunan fakulti di QS World Ranking. Antara input yang penting adalah dengan melaksanakan aktiviti yang berimpak tinggi yang penting untuk visibiliti fakulti terhadap universiti dan organisasi luar. Secara dasarnya, pencapaian PI jaringan industri dan keusahawanan mengfokuskan kepada semua aktiviti dijalankan melalui Memorandum of Understanding (Mou), program 21 Hours with the Industry, Alumnus Knocking the Door dan Hotcatspreneur. Kolaborasi smart partnership (rakan industri-MoU) merupakan elemen yang diutamakan dalam bidang tumpuan jaringan industri ini. Webinar perkongsian bersama panel industri dan alumni juga menjadi salah satu inisiatif FPHP bagi mendedahkan pelajar dengan maklumat terkini dalam bidang hospitaliti. Bagi proses tumpuan Keusahawanan, FPHP bergerak melalui PI yang telah ditetapkan oleh pihak MASMED UiTM sebagai dasar perancangan. Perlaksanaan adalah melalui program dan aktiviti keusahawanan yang memberi faedah kepada pensyarah dan pelajar. Bagi memastikan maklumat ini sampai kepada semua pihak di FPHP, ianya disebarkan melalui media sosial rasmi FPHP, terutamanya Facebook page Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Facebook page Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF), juga melalui kelab- kelab dalaman seperti SHOCAM, Bakers Club, MYTA dan Foodservice Society. Segala perancangan dan aktiviti bagi mencapai PI yang telah ditetapkan oleh BTU di maklumkan melalui mesyuarat jabatan dan pembentangan pelan strategik fakulti pada tahun 2020 dan 2021. Bagi memaksimumkan kesan program, FPHP mengenalpasti kebarangkalian risiko yang dihadapi dan cara mengatasinya melalui perancangan yang awal dan efektif. Pemantauan pencapaian PI yang telah ditetapkan kepada setiap pejabat timbalan dekan dan jabatan dilaksanakan melalui pembentangan laporan semasa di Mesyuarat jabatan dan MKSP yang dilakukan secara berkala setiap tahun. Maklumat ini akan disemak semula bersama bahagian perancangan strategik bagi pelaporan pencapaian fakulti bagi tahun berkenaan melalui sistem SMART dan PRIME yang diperkenalkan oleh pihak ICAN UiTM. Perancangan tindakan penambahbaikan serta strategi pengoperasian bagi setiap PI yang tidak dicapai pada tahun 2019-2020 telah dibincang bersama semua warga FPHP. Perbincangan berkenaan critical point berkenaan jaringan industri dan keusahawanan dilihat penting dalam meningkatkan visibiliti dan pencapaian tahunan di QS World Ranking.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kebanyakan proses-proses utama yang dijalankan bagi tahun 2019-2021 dalam melaksanakan inisiatif strategik jaringan industri dan keusahawanan ini dijalankan melalui pendekatan berikut:

Pemilihan sasaran

Proses pemilihan sasaran ini dijalankan dengan mengambil kira penerimaan impak yang besar kepada *stakeholder* utama iaitu pensyarah, pelajar dan organisasi luar yang menjalankan *Smart Partnership* dengan pihak FPHP. Pemilihan sasaran ini adalah berdasarkan **DUA** teras utama yang menjadi pelan pembangunan dan perancangan strategik iaitu **INDUSTRI** dan **KEUSAHAWANAN**.

INDUSTRI

Kolaborasi Smart Partnership - Jaringan bersama pemain utama industri, alumni dan komuniti

- *21 hours With The Industry (2019-2021)*
- *Alumnus Knocking the Door*

Konsep yang dipilih dalam memulakan langkah untuk menyokong pencapaian objektif dan strategik adalah dengan menjalin kerjasama menerusi kesepakatan yang telah dibuat melalui MoU. Pemilihan sasaran ini ditetapkan oleh BTU selaras dengan objektif *Global Reknown University (GRU) 2025*. Jaringan bersama pemain industri dan alumni ini dapat direalisasikan menerusi dua program utama iaitu *21 hours With The Industry* dan *Alumnus Knocking the Door*. Program 21 Hours With The Industry merupakan satu inisiatif yang melibatkan jaringan kerjasama dengan memberi peluang penempatan latihan industri para pelajar FPHP di organisasi tempatan dan antrabangsa. Manakala program Alumnus Knocking the Door pula dilaksanakan dengan mengadakan siri webinar perkongsian kepakaran dan pengalaman kepada para pelajar dan pensyarah. Pemilihan penggiat industri yang terlibat dalam kedua-dua program ini adalah berdasarkan alumni FPHP yang masih aktif dan berjaya di dalam industri dimana satu proses mengemaskini data senarai alumni telah diadakan menerusi laman sesawang alumniuitm.uitm.edu.my pada tahun 2021. Secara dasarnya, FPHP telah mencapai lebih dari petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan oleh BTU.

KEUSAHAWANAN

1. Kolaborasi bersama MASMED - Jaringan bersama pemain utama industri dalam bidang keusahawanan pelancongan dan Hospitaliti.

- Penglibatan dalam kursus Tie2 bagi pelajar pasca siswazah
- Hotcatspreneur – melahirkan graduan keusahawanan – hands-on workshop with industry & alumni
- MACGRAD - projek keusahawanan daging burger (Meat Patty by Butcherman)
- Pertandingan Inovasi Keusahawanan

FPHP melalui pejabat TDPJI dan TDHEP membantu MASMED dengan menyelia program-program keusahawanan di peringkat fakulti seperti menjemput alumni yang telah menjadi usahawan untuk memberi perkongsian kepakaran dan pengalaman kepada usahawan berpotensi iaitu pensyarah dan pelajar. Keberkesanan ini dapat dilihat dengan keberhasilan FPHP dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai daya mampu untuk mewujudkan perniagaan mereka sendiri. Dengan kerjasama MASMED, para pelajar pasca siswazah menjalani kursus Tie2 di mana para pelajar perlu membentangkan cadangan kajian yang berpotensi untuk dipasarkan. Disamping itu, FPHP memberi peluang kepada pelajar dalam menyediakan ruang khas untuk pelajar memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti

penjualan produk makanan dari kelab dalaman, Baker's Club. Program Hotcatspreneur diperkenalkan dengan mengadakan satu sesi bengkel keusahawanan bersama penggiat industri dan alumni. Pemilihan panel bagi sesi bengkel tersebut adalah berdasarkan senarai alumni dan penggiat industri tempatan yang berjaya. Kursus ini terbuka kepada para pelajar dan pensyarah yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan produk pelancongan dan hospitaliti. Proses-proses ini telah memberi kesan yang positif dalam mencapai objektif dan inisiatif pelan strategik keusahawanan dalam memastikan FPHP berada di laluan yang tepat dalam membantu fakulti dan UiTM untuk sentiasa berada di QS ranking yang terbaik.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_O01_OB02_20221_LAPORAN MKSP FPHP 2021 PJI 6.2.pdf](#)
2. [F0031_O01_OB02_20222_Newsletter July - Sept 2021 FPHP.pdf](#)
3. [F0031_O01_OB02_20223_Senarai Aktiviti Pelajar FPHP 2021.pdf](#)
4. [F0031_O01_OB02_20224_TIE 2 FPHP.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPHP menentukan Perluasan dan Pelaksanaan PI yang ditetapkan dengan menfokuskan kearah mencapai QS World ranking yang lebih baik dengan menyediakan bukti pencapaian Fakulti dari aspek jaringan industri dan keusahawanan. Model yang di gunakan dalam Pelaksanaan PI yang ditetapkan adalah berdasarkan (PDCA).

PLAN - Bagi perancangan pada tahun 2021 adalah berpandukan penambahbaikan yang dicadangkan di MKSP 2021. PI yang diberikan bahagian perancangan strategik adalah dasar perancangan aktiviti yang dirancang.

Tanggungjawab PI keusahawanan ini digalas Pejabat TDPJI bagi memenuhi objektif serampang dua mata iaitu menjalinkan hubungan jaringan industri dan membangunkan projek keusahawanan. Semua program dirancang adalah dicapai bersama kerjasama semua staf akademik, pelajar, dan staf pentadbiran.

DO - Pelaksanaan PI juga dibahagikan kepada tanggungan Pejabat TDPJI, Fakulti, Jabatan, Kursus dan juga kelab - kelab dalaman FPHP mengikut skop kerja yang diamanahkan.

CHECK - PI 2019-2020 adalah menjadi panduan utama dan indikator bagi menambahbaik prestasi bagi tahun 2021. Semak silang pada kedua-dua tahun ini memberikan FPHP gambaran jelas prestasi aktiviti dan program yang dilaksanakan dan yang perlu di fokuskan pada masa akan datang. Perubahan bagi tahun 2021 adalah berdasarkan transisi status pandemik COVID-19 ke fasa endemik dimana program - program dijalankan secara maya.

ACTION - Pelaksanaan aktiviti dan program yang dirancang adalah selari dengan PI yang telah diberikan dimana ia melibatkan semua pemegang taruh FPHP seperti yang di senaraikan di bahagian 3. FPHP merangkakan semua program yang bersesuaian dengan penglibatan Alumni dan industri secara menyeluruh sebagai panel dalam perkongsian ilmu yang penting bagi aspek kebolehpasaran graduan, keusahawanan dan membina rangkaian perhubungan.

Setiap aktiviti dipertanggungjawabkan kepada seorang Person in Charge (PIC) yang dilantik sebagai peneraju yang akan memastikan setiap aktiviti dan program yang dijalankan memenuhi PI yang telah ditetapkan kepada FPHP. FPHP memastikan kesinambungan kejayaan semua aktiviti yang dilaksanakan dimaklumkan kepada semua pihak melalui pelbagai medium seperti media sosial. Kejayaan para pensyarah dan staf yang terlibat dalam mencapai PI diraikan dengan penganugerahan di peringkat fakulti.

Bagi program keusahawanan pada tahun 2021, fakulti memfokuskan kerjuralatihan dalam bidang keusahawanan melalui pendedahan sesi bengkel webinar perkongsian bersama Alumni dan Pakar industri. Program keusahawanan yang dirancang memastikan penglibatan pelajar serta pensyarah berjaya membuktikan bahawa fakulti memandang penting aspek keusahawanan. Kejayaan para pensyarah dan staf dalam memenangi pertandingan inovasi juga diberikan penghargaan di peringkat fakulti. Perkara ini menyumbang kepada visibility FPHP.

Pelaksanaan Pejabat TDPJI

Segala aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan Pejabat TDPJI disokong penuh seluruh warga FPHP terutamanya pengurusan tertinggi. Kepentingan setiap aktiviti dikenal pasti bagi menaikkan visibility FPHP dan memberi impak positif kepada QS ranking by subjek yang disasarkan oleh FPHP.

Pelaksanaan Melalui Pejabat TDPJI

- MoU bersama industri dalam bidang hospitaliti
- 21 hours with The Industry

- Alumnus Knocking the Door

Pelaksanaan Melalui Program Keusahawanan

- Kursus Keusahawanan Tie2 bersama MASMED
- Inisiatif keusahawanan dan inovasi Pensyarah FPHP 2021 "Produk Meat Patty by Butcherman"
- Pertandingan Produk Inovasi

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_O01_OB03_20221_FPHP Profile.pdf](#)
2. [F0031_O01_OB03_20222_Keusahawanan FPHP.pdf](#)
3. [F0031_O01_OB03_20223_LAPORAN MKSP FPHP 2021 PJI.pdf](#)
4. [F0031_O01_OB03_20224_PDCA PI PJI FPHP.pdf](#)
5. [F0031_O01_OB03_20225_PERLUSAN PI PJI FPHP.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi mendapatkan hasil yang selaras dengan visi GRU2025 UiTM iaitu menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawan, 10 objektif menjadi rujukan FPHP bagimendapat tempat di QS World Ranking. Fakulti menjangkakan lebih banyak aktiviti yang akan dilaksanakan melalui program-program MoU dan keusahawan di peringkat lebih tinggi. Walaupun pada 2020 hampir semua sistem pendidikan telah terkesan dengan pandemik Covid-19, FPHP tetap menjangkakan hasil kesepakatan daripada jaringan industri dan keusahawan dapat direalisasikan dengan mengambil kira pelaksanaan pelbagai program bersama pihak industri, alumni dan komuniti secara atas talian.

Bagi menjamin kelestarian bidang jaringan industri dan keusahawan ini, sistem pengurusan dan operasi data fakulti telah dinaiktaraf dengan menggunakan sistem dan perisian yang terkini. Ini bagi memastikan setiap penyebaran, pelaksanaan, penganalisa dan penyimpanan maklumat dapat diselaraskan dan mudah untuk dipantau dari masa ke semasa. Antara sistem yang digunakan adalah SMART dan PRIME yang diperkenalkan oleh pihak ICAN. Kini capaian data untuk mendapatkan maklumat mengenai hala tuju dan panduan daripada Perancangan Strategik (PS) dapat disalurkan kepada warga PTJ dan pemegang taruh (stakeholder) secara berterusan dengan cepat, selamat dan terkawal menerusi website dan juga media sosial yang terpilih dan diuruskan sendiri oleh pihak pentadbiran fakulti. Untuk laporan bagi setiap aktiviti jaringan industri dan keusahawanan di FPHP satu perisian untuk menganalisis skor pencapaian MYRA telah digunakan bagi penyelarasan maklumat pencapaian KPI FPHP untuk setiap tahun. Dengan adanya satu sistem pelaksanaan program secara atas talian yang mantap dari pihak FPHP dan UiTM secara amnya, ia akan memberi impak yang positif dan meletakkan FPHP dan UiTM sentiasa berada di ranking yang terbaik dalam aspek pengurusan dan operasi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0031_O01_OB04_OC01_20221_keusahawanan FPHP.pdf](#)
2. [F0031_O01_OB04_OC01_20222_MKSP FPHP 2021 PJI.pdf](#)
3. [F0031_O01_OB04_OC01_20223_Pangkalan Data FPHP.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Matlamat mencapai kedudukan di dalam QS World ranking adalah penanda aras bagi menaikkan visibility fakulti dimana pendekatan ini memastikan warga fakulti bersama dalam pencapaian MOU, maklum balas dari industri dan organisasi yang bekerja sama bersama fakulti dan juga program keusahawanan.

Dalam perkara ini pengurusan risiko adalah sangat penting dimana pengenalpastian risiko dan penyelesaian yang dipraktikkan adalah ditekankan dalam menjaga kredibiliti dan reputasi fakulti serta UiTM. Bengkel Perancangan Strategik FPHP 2021 telah berjaya mengenalpasti kebarangkalian risiko bagi PI yang ditetapkan kepada FPHP.

Risiko Pencapaian Tahunan QS World Ranking

FPHP menghadapi kesukaran dalam mencapai keperluan kriteria yang ditetapkan kerana pelaksanaan SOP pandemik COVID-19 semasa yang ketat. Beberapa program dan aktiviti yang dirancang terpaksa ditundakan atas dasar mengurangkan risiko jangkitan dikalangan para pensyarah dan pelajar. FPHP ambil maklum dengan kedudukan tahunan di QS World Ranking ini dapat dinaikkan dengan menambah pelaksanaan aktiviti dan program bersama semua pemegang taruh FPHP. Berikut adalah pecahan peratusan pencapaian tahunan dalam QS World Ranking yang perlu dilaksanakan:

- i. 50% melalui hubungan kerjasama bersama penngiat industri
- ii. 45% melalui hubungan kerjasama dan aktiviti akademik
- iii. 5% melalui penyelidikan dan penerbitan di journal berimpak tinggi

Diantara risiko dalam bidang jaringan industri dan keusahawanan yang dikenal pasti adalah:

Risiko MOU/MOA Industri dan Universiti di dalam negara serta antarabangsa

Berikut merupakan risiko yang dihadapi oleh FPHP dalam melaksanakan MOU/MOA:

- MOU tidak dapat dilaksanakan atau tertangguh kerana pihak rakan smart partnership tidak dapat memenuhi inisiatif dan aktiviti yang dirancanakan dalam kerjasama tersebut.
- Cara mengatasinya adalah dengan mengadakan semula perbincangan dan mendapatkan persetujuan bersama kedua-dua pihak dalam pelaksanaan aktiviti MoU.
- Program yang dirancang di bawah MOU seperti latihan industri pelajar dan sangkutan Staf, Kajian bersama industri dan Program CSR tidak dapat dijalankan kerana SOP dan situasi kes pandemik semasa.
- Risiko dapat diatasi dengan membuat perancangan lebih awal dan mempunyai pelan alternatif sekiranya terdapat halangan dalam pelaksanaan program.

Risiko Program keusahawanan

- Peratus rendah graduan usahawan kerana para pelajar kurang berminat dan tidak mendapat pendedahan yang komprehensif berkenaan faedah keusahawanan.
- Risiko ini dapat diatasi dengan mengadakan bengkel - bengkel keusahawanan dan cara pelaporan PI oleh pihak MASMED.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_O01_OB04_OC02_20221_MENGATASI RISIKO FPHP.pdf](#)
2. [F0031_O01_OB04_OC02_20222_PENGENALPASTIAN RISIKO FPHP.pdf](#)
3. [F0031_O01_OB04_OC02_20223_Petikan Perancangan Strategik FPHP.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan bagi penumpuan operasi dilaksanakan secara sistematik dan efektif bermula daripada mengemaskini semua kertas kerja dan laporan pencapaian objektif kualiti bagi tahun 2021 untuk semua program MoU/MoA dan keusahawanan dibawah satu sistem secara atas talian yang diuruskan oleh pejabat TDPJI, FPHP. Setiap kemajuan program yang dilaksanakan perlu sentiasa dikemaskini di dalam sistem pengurusan tersebut. Ini bagi memudahkan proses pemantauan oleh pihak TDPJI dalam membimbing ahli-ahli pelaksana untuk sentiasa fokus kepada objektif dalam menjalankan program masing-masing. Semua laporan aktiviti program MoU/MoA dan keusahawanan amat penting bagi pejabat TDPJI dalam mengenalpasti critical point untuk setiap proses dalam pelaksanaan program-program tersebut. Dapatan hasil dalam mengenal pasti setiap critical point tersebut akan dijadikan bahan rujukan dalam perbincangan perancangan strategik pada tahun 2021. Oleh itu, setiap penaraju MoU/MoA dibawah jaringan industri dan kolaborasi keusahawanan bersama MASMED bagi setiap jabatan di FPHP perlu mempunyai matlamat, maklumat dan sistem pengurusan yang jelas dalam mencapai keberhasilan fakulti. Ini amat penting untuk memberikan visibility dan relevan kepada industri sekali gus meletakkan FPHP dan UiTM berada di kedudukan QS World Ranking yang terbaik.

Dapatan daripada perancangan strategik 2020-2021 yang dijalankan bagi memperoleh tempat dalam QS World Ranking by subject membolehkan FPHP merangka hala tuju bagi teras utama program dan aktiviti yang akan dijalankan perlu berimpak tinggi dan memberi kesan kepada visibility FPHP dan UiTM. Antara focus area yang dirangka adalah:

1. Visibility Ranking - aktiviti keynote professor pelawat, FPHP bersama industri, Adjunct Professor FPHP bersama Industri.
2. Keusahawanan - Perkongsian Maklumat keusahawanan bersama pelajar dan pensyarah.
3. Kebolehpasaran graduan - Melaksanakan program bersama industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_O01_OB04_OC03_20221_LAPORAN MKSP FPHP 2021 PJI 6.2.pdf](#)
2. [F0031_O01_OB04_OC03_20222_Visibility FPHP.pdf](#)
3. [F0031_O01_OB04_OC03_20223_Petikan Perancangan Strategik FPHP.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan PI dan objektif jaringan industri dan keusahawanan dapat dilaksanakan dengan cekap, program yang dilaksanakan bagi memenuhi PI adalah tidak berulang dan fokus kepada stakeholder fakulti iaitu pelajar, industri, universiti luar dan alumni. Semua program yang dirancang oleh warga FPHP adalah melibatkan setiap pemegang taruh telah berjaya menempatkan fakulti di kedudukan yang amat membanggakan.

Usahasama bersama rakan strategik Hotel, pelancongan, Syarikat Makanan, Restoran dan Universiti antarabangsa dan lokal telah mendatangkan hasil yang positif kepada semua warga FPHP terutama pelajar yang mendapat pendedahan dari pelbagai aspek. FPHP memastikan kesinambungan bagi setiap PI yang tercapai pada tahun 2020 diteruskan di tahun 2021.

Perbandingan PI dilakukan dari tahun 2020 dan 2021 membolehkan FPHP merancang strategi dan aktiviti yang lebih berjaya. Analisa fokus di bawah membolehkan FPHP merangka program yang melibatkan peranan setiap pemegang taruh.

Bukti integrasi dalam pelaksanaan adalah dizahirkan melalui aktiviti yang telah dilaksanakan mengikut PI yang telah ditetapkan. Semua aktiviti ini telah menempatkan fakulti dalam persepsi yang baik kepada semua pemegang taruh dan juga kedudukan dalam World QS Ranking.

SENARAI BUKTI :

1. [F0031_O01_OB05_20221_Laporan 21 Hours FPHP 2021.docx.pdf](#)
2. [F0031_O01_OB05_20222_Laporan FPHP - Tourism Malaysia 2021.docx.pdf](#)
3. [F0031_O01_OB05_20223_Laporan FPHP Webinar Series 1-2021.docx.pdf](#)
4. [F0031_O01_OB05_20224_LAPORAN MKSP FPHP 2021 PJI 6.2.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hotscatpreneur – Inisiatif bagi pensyarah dan pelajar untuk terlibat di dalam aktiviti keusahawanan yang meliputi perancangan, koordinasi, pelaksanaan dan pengiktirafan.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi tahun 2021, pihak Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) telah memilih skop **Jaringan Industri dan Keusahawanan** sebagai bidang tumpuan penilainan i-AKNC pada kali ini. Sehubungan dengan itu, kriteria 7 iaitu hasil utama yang meningkatkan visibiliti fakulti dan mencapai PI yang ditetapkan oleh UiTM, akan memfokuskan kepada tiga hasil yang mana salah satunya adalah keusahawanan yang telah dijenamakan sebagai **Hotscatpreneur**.

Hotscatpreneur merupakan satu inisiatif bagi pensyarah dan pelajar untuk terlibat di dalam aktiviti keusahawanan yang mana ia juga merangkumi aktiviti perkongsian ilmu melalui webinar keusahawanan yang dianjurkan oleh MASMED dan FPHP.

FPHP telah memilih objektif dan inisiatif dari pencapaian indek yang diberikan dalam perancangan strategik dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan tahap keusahawanan pelajar dan juga staf yang mana ianya sekaligus akan memberi impak yang tinggi terhadap visibiliti fakulti serta meningkatkan daya saing pelajar setelah tamat pengajian selaras dengan Visi UiTM iaitu 'Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan **Keusahawanan**.' Selain itu, keusahawanan juga ditekankan di dalam objektif keempat UiTM iaitu 'Menghasilkan graduan yang seimbang dan berciri **keusahawan** yang mampu bersaing di peringkat global.'

Pada Mac 2020 sehingga December 2021, Malaysia telah dilanda covid 19. Segala program dan projek untuk meneruskan usaha melestarikan keusahawanan di FPHP terpaksa diubah mengikut ketetapan yang diberikan oleh MKN. Walaupun begitu, fakulti tanpa berlengah terus menjalankan program secara maya, di mana program *21st Hours with the Industry* telah dilaksanakan dengan jayanya pada kedua-dua tahun. Program ini adalah himpunan tujuh siri webinar yang mencakupi pelbagai tajuk semasa termasuklah keusahawanan, dibincangkan bersama panel jemputan yang berpengalaman luas dalam bidang masing masing. Program ini diwajibkan kepada pelajar semester 5 dan 6 serta dan digalakkan untuk pelajar semester yang lain. Sambutan yang sangat baik diterima dari pelajar dan pensyarah, seramai 2,771 peserta pada tahun 2020, dan 1801 peserta pada tahun 2021, telah menghadiri 7 siri webinar yang dijalankan, serta 142 alumni turut sama memberi sokongan. FPHP telah berjaya mencapai PI yang ditetapkan. Ini menunjukkan usaha pihak fakulti dalam memupuk keinginan dan keyakinan pelajar agar lebih berdikari dan berani memulakan perniagaan telah mula berhasil. Fakulti percaya pada masa akan datang, kebergantungan pekerjaan kepada sektor kerajaan mahu pun swasta harus dikurangkan. Pelajar perlu dilatih dan didedahkan kepada bidang keusahawanan yang sesuai dengan bidang pengajian seperti seni kulinari dan penyediaan makanan. FPHP telah merangka perancangan strategik yang lebih mantap untuk memastikan program keusahawanan yang dijalankan memberi impak kepada pelajar, pensyarah, fakulti dan universiti serta membantu dalam menjana ekonomi negara.

Dari proses perancangan strategik sehingga proses operasi, semua usaha yang dijalankan adalah menjurus ke arah pengiktirafan fakulti di peringkat yang lebih tinggi di mana keusahawanan menyumbang sebagai salah satu input yang penting. Segala usaha telah menampakkan kejayaan bila mana FPHP tersenarai di tangga 31 dalam QS Ranking pada tahun 2020 dan di tangga 42 pada tahun 2021.

Bagi tahun 2021, FPHP telah mengenalpasti 4 aktiviti keusahawanan utama di mana proses mengenal pasti aktiviti tersebut adalah melalui maklum balas daripada pengurusan tertinggi FPHP. Antara aktiviti-aktiviti di bawah Hotcatspreneur dibincangkan lebih mendalam dalam

penulisan di bawah.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0031_HB02_20221_7.1.2 TAHAP HASIL UTAMA 1 FPHP 2022.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0031_HB03_20222_7.1.3 TREN HASIL UTAMA 1 FPHP 2022.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0031_HB04_20223_7.1.4 PERBANDINGAN HASIL UTAMA 1 FPHP 2022.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0031_HB05_20224_7.1.5 KEPENTINGAN HASIL UTAMA 1 FPHP 2022.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Penyelidikan, Penerbitan dan Konsultasi bersama Rakan Kolaborasi Industri

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

QS *World University Ranking* merupakan satu pengiktirafan tertinggi yang menjadi sasaran universiti di seluruh dunia. Justeru itu, pelbagai usaha Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) dicurahkan berdasarkan strategi yang dirangka sejak tahun 2017 dalam usaha mengejar kedudukan ranking yang baik. Walaupun pada mulanya tidak tersenarai pada tahun 2018 dan 2019, FPHP menunjukkan kemajuan positif dimana pada tahun 2020 sehingga kini, FPHP berjaya tersenarai di dalam QS *World University Rankings by Subject (Hospitality & Leisure Management)*. Terbaru, FPHP telah menduduki tempat ke-42 QS *World University Rankings by Subject (Hospitality & Leisure Management)*.

Antara faktor yang menyumbang pada kejayaan menduduki ranking ke-42 ini adalah hasil penyelidikan dan penerbitan berindeks FPHP. Konsultasi juga memainkan peranan mengangkat kredibiliti para pensyarah FPHP di mata pihak industri. Jumlah penerbitan berindeks menunjukkan peningkatan dari tahun-tahun sebelumnya dan menyumbang kepada skor baik QS Ranking. Begitu juga dengan geran penyelidikan dimana jumlah yang diperolehi telah meningkat dari tahun-tahun sebelumnya. Dari segi konsultasi, biarpun mencatatkan sedikit penurunan, pelbagai inisiatif telah dilakukan FPHP untuk bekerjasama dalam *knowledge sharing* bersama rakan kolaborasi industri pada tahun ini yang diharap dapat dilaksana pada awal tahun depan.

Usaha-usaha ini penting bukan sahaja untuk mengejar kedudukan Ranking QS, malah FPHP melihat impak yang lebih jauh melangkaui peringkat nasional. FPHP berjaya meletakkan nama UiTM di peta dunia dan meningkatkan *visibility* dan kredibiliti para pensyarah, pelajar dan program akademik kepada ahli akademik dan industri di peringkat antarabangsa. Hasilnya FPHP juga mengungguli tempat keenam di benua Asia dan merupakan satu-satunya universiti awam tersenarai di dalam QS *World University Rankings by Subject (Hospitality & Leisure Management)*.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0031_HB02_20221_kriteria 7 keusahawanan tahap pencapaian 2022.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0031_HB03_20222_7.3.3 Tren AKNC FPHP 2022.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0031_HB04_20223_7.3.4 Perbandingan-Tanda Aras AKNC FPHP 2022.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0031_HB05_20224_7.3.5 Kepentingan FPHP AKNC 2022.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

SMART PARTNERSHIP - Fokus kepada kejayaan FPHP dalam Kolaborasi Rakan Industri (MoU/MoA)

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemain industri berfungsi sebagai penyumbang dan pemacu aktiviti ekonomi dalam negara, manakala Universiti (FPHP) pula bertindak sebagai pembekal bakat kepada industri pelancongan dan hospitaliti negara. **Smart Partnership** antara FPHP dan industri pelancongan serta organisasi hospitaliti melalui MoU melibatkan jalinan kerjasama dalam kolaborasi penyelidikan, perkongsian kemudahan, data, pengetahuan dan kemahiran serta lain-lain sumber untuk manfaat bersama. FPHP juga berkerjasama dengan pihak industri dalam berkolaborasi membangunkan bakat dan tenaga kerja tersedia masa depan. Ini adalah merupakan satu hubungan simbiotik yang melengkapkan satu sama lain. FPHP sedar akan kepentingan hubungan ini untuk memastikan kelangsungan dan relevansi dalam melahirkan graduan yang dapat memenuhi kehendak industri, serta mendapatkan pengiktirafan dari peringkat antarabangsa.

FPHP melantik, mengiktiraf dan memberi insentif kepada pakar/usahawan individu daripada industri, kerajaan dan NGO sebagai pensyarah/profesor, penasihat, dan pentaksir/penilai. FPHP telah meraih manfaat hasil kerjasama dengan industri pelancongan dan hospitaliti melalui akses kepada ekosistem penyelidikan, jaringan, sumber, teknologi, dan pengetahuan yang membolehkan rakan kolaborasi menambah nilai, meningkatkan kecekapan, daya saing, dan memacu inovasi, yang akhirnya meningkatkan imej, keuntungan, dan kemampuan perniagaan masing-masing. **Smart Partnership** yang dijalankan oleh FPHP meliputi dalam dan luar negara, bermula dari industri pelancongan kepada perkhidmatan makanan, perhotelan, kulinari, jabatan kerajaan, serta mana-mana agensi yang berminat menjalin usahasiswa untuk mendapat manfaat bersama.

Pihak pengurusan, terutamanya dari pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan Jaringan & Industri akan memastikan aktiviti dijalankan bersama **Smart Partnership** yang telah dimenterai. TD PJI akan memastikan MoU/MoA dari semua penjur, bukan hanya dari industri tetapi juga dari kelompok organisasi yang berbeza, dalam dan luar negara. MoU telah diadakan di FPHP sejak 2012, bermula dengan jumlah yang kecil dan meningkat setiap tahun. FPHP sedar akan kepentingan **Smart Partnership** ini dengan mengorak langkah yang lebih drastic sejak tahun 2015.

Penglibatan industri dan badan profesional merupakan hasil yang diperolehi ekoran daripada keberkesanan hubungan strategik dan kerjasama yang baik dengan FPHP. Seterusnya hubungan ini dimenteraikan dalam perjanjian memorandum persefahaman mahupun persetujuan. Setiap MoU/MoA mempunyai tujuan dan misi tertentu. Sebagai contohnya; pada tahun **2021** FPHP telah menandatangani MoU bersama rakan industri untuk pembangunan dan memberi peluang latihan industri peringkat; MoU telah ditandatangani bersama Restoran Rebung Chef Ismail, Tourim Malaysia, Happy Recipe Sdn Bhd, Majlis Daerah Kuala Selangor, LaCrista Hotel Melaka, PKB Hotel Management, Langkawi-Adya Hotel, Brahim's Sats Foodservices Sdn Bhd, Asia Mex Concepts Sdn Bhd dan Tateyama Food Industries (M) Sdn Bhd.

FPHP turut juga menandatangani MoU bersama pihak Universiti diluar negara bagi mengukuhkan jaringan industri penempatan untuk program pertukaran pelajar dan kajian penyelidikan. Ini antara usaha FPHP dalam memberi pendedahan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan dan perkongsian ilmu dan budaya. Langkah proaktif Smart Partnership ini juga membantu kebolehpasaran graduan pasca pandemik. menjalani latihan industri secara terus dan eksklusif dengan industri yang terbabit.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0031_HB02_20221_Tahap Penyelidikan, Penerbitan dan Konsultasi FPHP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0031_HB03_20222_Tren Penyelidikan, Penerbitan dan Konsultasi FPHP.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0031_HB04_20223_Perbandingan Penyelidikan, Penerbitan dan Konsultasi FPHP.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0031_HB05_20224_Kepentingan Penyelidikan, Penerbitan dan Konsultasi FPHP.pdf](#)